



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN BANCI 2024 PERTANIAN



**GUNA
TENAGA**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN BANCI PERTANIAN 2024

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH

Pemakluman

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	: 03-88857000
Faks	: 03-88889248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / YouTube	: StatsMalaysia
E-mel / E-mail	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / <i>general enquiries</i>) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / <i>data request & enquiries</i>)

Harga / Price : RM100.00

Diterbitkan pada Disember 2025 / *Published in December 2025*

Hakcipta terpelihara / All rights reserved.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

Penafian / Disclaimer.

Dapatan Banci Pertanian 2024 yang diterbitkan menggunakan konsep dan metodologi pengumpulan data aktiviti pertanian berpandukan manual World Programme for the Census of Agriculture 2020 (WCA 2020).

Sebarang perbezaan profil atau parameter hasil dapatan banci ini dengan statistik pertanian terbitan pihak lain hendaklah ditafsir dengan sebaik-baiknya. Dapatan ini menggambarkan sektor pertanian bagi tahun 2023 dan boleh dijadikan rujukan bagi perancangan, pemantauan serta penilaian dasar dan program pertanian negara.

“The findings of the 2024 Agricultural Census were published using the concepts and methodologies for collecting agricultural activity data as guided by the World Programme for the Census of Agriculture 2020 (WCA 2020) manual.

Any differences in profiles or parameters between the results of this census and agricultural statistics published by other parties should be interpreted with due care. These findings reflect the agricultural sector for the year 2023 and may be used as a reference for the planning, monitoring, and evaluation of national agricultural policies and programmes.”

ISBN 978-1-78280-808-4

KATA PENGANTAR

Laporan Banci Pertanian 2024: Guna Tenaga dan Gaji & Upah membentangkan parameter guna tenaga dan gaji & upah di Malaysia bagi tahun rujukan 2023. Penerbitan ini mengandungi maklumat bilangan guna tenaga dan gaji & upah meliputi individu dan pertubuhan serta penemuan parameter utama bilangan guna tenaga dan gaji & upah.

Penyusunan parameter ini merujuk kepada manual *World Programme for the Census of Agriculture* (WCA) 2020 bagi tempoh 2016 hingga 2025 yang menyarankan negara supaya melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 10 tahun. Malaysia merupakan antara negara yang melaksanakan Banci Pertanian pada tahun 2024 bagi tahun rujukan 2023.

Dalam menghasilkan profil dan parameter pertanian melalui pelaksanaan Banci Pertanian 2024, kerjasama strategik antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan pemegang taruh iaitu Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan, Kementerian Perladangan & Komoditi, Kementerian Sumber Asli & Kelestarian Alam dan Kerajaan Negeri telah terjalin erat bagi menjamin integriti data.

Penerbitan ini memaparkan penemuan berkaitan bilangan guna tenaga dan purata gaji & upah tahunan bagi pegangan pertanian meliputi pegangan pertanian individu dan pertubuhan mengikut taraf pekerjaan. Manakala, nota teknikal yang mengandungi konsep & definisi dan kata singkatan bagi memudahkan pengguna memahami parameter yang diterbitkan.

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 ini dapat dimanfaatkan oleh agensi kerajaan untuk tujuan perancangan dan penggubalan dasar, pemantauan serta penilaian keberkesanan program pembangunan pertanian negara. Sementara itu, ahli ekonomi, ahli akademik dan individu boleh menggunakan parameter ini dalam analisis serta penyelidikan sosial dan ekonomi.

Gerbang Digital Statistik Pertanian (TaniStats 2.0) telah dibangunkan sebagai platform bersepadu yang memudahkan capaian kepada data pertanian secara digital di samping menjadi rujukan bagi menyokong pembangunan dasar yang berasaskan bukti demi kemajuan sektor pertanian negara.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Disember 2025

PREFACE

The Agriculture Census Report 2024: Employment and Salary & Wages presents the parameters of employment and salary & wages in Malaysia for the reference year 2023. This publication contains information on the number of employment and salary & wages covering individuals and establishments as well as the findings of main parameters for the number of employment and salary & wages.

The derivation of these parameters refers to the World Programme for the Census of Agriculture (WCA) 2020 manual for the period 2016 to 2025 which recommends that countries conduct the Agricultural Census at least once in 10 years. Malaysia is among the countries that had conducted the Agriculture Census in 2024 for the reference year 2023.

In producing agricultural profiles and parameters through the implementation of the Agriculture Census 2024, the strategic collaboration between the Department of Statistics Malaysia (DOSM) and key stakeholders namely the Ministry of Agriculture & Food Security, the Ministry of Plantation & Commodities, the Ministry of Natural Resources & Environmental Sustainability, and the State Governments has been firmly established to ensure data integrity.

This publication displays the findings of the number of employment and the average annual salary & wages for agricultural holdings, covering both individual and establishment by employment status. Meanwhile, technical notes containing concepts & definitions and abbreviations to facilitate users in understanding the published parameters.

The findings of the Agricultural Census 2024 can be utilized by government agencies for the purpose of planning and policy formulation, monitoring and evaluating the effectiveness of the country's agricultural development programs. Meanwhile, economists, academicians and individuals can use these parameters in social and economic analysis and research.

The Agricultural Statistics Digital Gateway (TaniStats 2.0) was developed as an integrated platform to facilitate digital access to agricultural data, while serving as a reference in supporting evidence-based policymaking for the advancement and sustainability of the national agricultural sector.

DOSM would like to express its deepest appreciation for the cooperation given by all parties who have contributed directly or indirectly in the realization of this publication. Any feedback and suggestions for improving this publication in the future are greatly appreciated.


DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia

December 2025

BANCI PERTANIAN 2024

Banci Pertanian 2024 merupakan banci keempat dilaksanakan sejak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan banci ini adalah sejajar dengan manual World Programme for the Census of Agriculture (WCA) 2020 yang menyarankan setiap negara ahli melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali bagi tempoh 2016 hingga 2025. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 November 2023 telah bersetuju supaya Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di bawah Kementerian Ekonomi melaksanakan Banci Pertanian 2024. Tadbir urus Banci Pertanian 2024 terdiri daripada Jawatankuasa Pemandu Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Jawatankuasa Utama Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia selaku Pesuruhjaya Banci serta melibatkan pelbagai agensi pelaksana di peringkat persekutuan dan negeri iaitu Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya dan Penguasa Daerah. Selain itu hampir tujuh ribu orang terdiri daripada Penyelia dan Pembanci telah dilantik bagi sepanjang tempoh pelaksanaan banci. Penggembelengan tenaga kerja warga DOSM pelbagai peringkat jawatan anggaran seramai 1,400 orang dalam perancangan, pengurusan operasi dan penganalisan data menunjukkan komitmen dan kesungguhan DOSM dalam menjayakan Banci Pertanian 2024.



Ahli Jawatankuasa Pemandu Banci:

Pengerusi : Ketua Setiausaha Negara
Pengerusi Ganti : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam

Ahli:

- Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan
- Ketua Setiausaha Kementerian Perlindungan dan Komoditi
- Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi
- Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri
- Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
- Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan
- Ketua Perangkawan Malaysia
- Setiausaha Kerajaan Negeri

Operasi dan prosesan data Banci Pertanian 2024 telah bermula pada 7 Julai 2024 dan tamat pada 31 Disember 2024. Seiring dengan usaha memastikan ketepatan dan kualiti data yang dikumpulkan, Semakan Kualiti (QC) dan Penilaian Liputan Banci (PLB) turut dijalankan di lapangan dengan tujuan untuk menilai keberkesanan liputan, sejajar dengan piawaian antarabangsa yang disyorkan oleh Food and Agriculture Organization (FAO) dan WCA. Banci ini telah melalui proses transformasi dengan penggunaan ICT yang terkini bagi aktiviti pembancian melalui sistem MyAgriCensus.

Kejayaan Banci Pertanian 2024 ini adalah hasil kolaborasi dan kerjasama strategik antara DOSM dengan 1,390 agensi pelbagai di peringkat Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Daerah. Kerjasama ini bermula daripada peringkat awal penentuan konsep, liputan banci, pembangunan soal selidik, operasi dan proses validasi dan analisis data bagi bagi menjamin penghasilan data yang berintegriti dan reliable. Kolaborasi ini melibatkan 308 sesi meja bulat/ mesyuarat, 124 sesi latihan/ bengkel, 100 sesi pemukiman, 163 sesi review dan pengabsahan data serta 105 kunjungan hormat/ lawatan kerja. Beberapa sesi libat urus dan bengkel mengikut kluster pertanian turut diadakan antara DOSM dengan agensi pertanian untuk meneliti dapatan banci dan mengabsahkan senarai liputan pegangan pertanian secara kolektif. Sesi ini juga bertujuan menjamin konsistensi, selain merapatkan jurang data dengan data pentadbiran yang sedia ada di pelbagai peringkat agensi.

Majlis Peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 29 Mei 2025. Sejumlah 17 Laporan Interim Banci Pertanian 2024 serta tiga (3) laporan penerbitan khas iaitu Laporan Menelusuri Rantaian Pertanian Malaysia Dari Hulan ke Hiliran, Laporan Awalan Indikator Keterjaminan Makanan Malaysia 2025 dan Laporan Khas Bawang, Daging dan Kelapa. Sebagai langkah memperkukuh pengurusan data pertanian bersepadu negara menerusi digitalisasi, dua dashboard baharu telah dilancarkan iaitu Sistem Integrasi Digital Pangkalan Data Pertanian Bersepadu (TaniStats) dan Aplikasi Harga Produk Pertanian (MyAgroPrice). Sementara itu, Majlis Peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024 peringkat negeri turut dilaksanakan secara berperingkat di semua negeri melibatkan 14 penerbitan Laporan Interim Banci Pertanian 2024 Negeri.

Outcome Banci Pertanian 2024 akan memberi tumpuan kepada agenda nasional dan menjadi penanda aras baharu bagi sektor pertanian negara. Maklumat yang berintegriti dan reliable digunakan sebagai input dalam membuat keputusan berasaskan bukti untuk perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian blueprint pembangunan negara. Satu platform khas iaitu Gerbang Digital Statistik Pertanian (TaniStats 2.0) telah dibangunkan untuk menyediakan data di hujung jari yang dapat memenuhi keperluan pemegang taruh dalam perancangan pembangunan sosio ekonomi. Secara tidak langsung, ia dapat merapatkan jurang digital dalam capaian sumber data yang pelbagai dan kompleks. TaniStats 2.0 akan mengintegrasikan data pertanian daripada pelbagai sumber dan platform ini menyokong pembangunan dasar yang berasaskan data (data-driven policy), mempercepat proses analisis trend dan impak. Ia juga membolehkan perancangan yang lebih bersasar dan responsif terhadap isu semasa. Secara keseluruhan, platform ini menyumbang ke arah tadbir urus sektor pertanian yang lebih strategik, telus dan berimpak tinggi. Platform ini menyebarkan maklumat berkaitan penemuan utama Banci Pertanian 2024, serta pelbagai informasi sokongan lain yang relevan.

Halaman utama portal TaniStats 2.0 ini merangkumi:

- a) Penerangan ringkas mengenai maksud dan fungsi utama TaniStats 2.0 sebagai sistem bersepadu untuk data dan statistik sektor pertanian;
- b) Rasional dan keperluan pembangunan sistem ini dalam menyokong perancangan dan pemantauan sektor pertanian negara;
- c) Kepentingan sistem ini dalam menyediakan data yang tepat, pantas dan bersepadu untuk pelbagai pihak; dan
- d) Peranan TaniStats 2.0 dalam memperkukuh dasar, memacu pertumbuhan sektor agromakanan, serta menyokong pembangunan mampan negara.

TaniStats 2.0 juga mengandungi MyAgroPrice iaitu satu platform interaktif yang memaparkan maklumat terkini harga produk pertanian terpilih dengan liputan siri masa secara bulanan dari tahun 2020 hingga 2024. Papan pemuka ini memaparkan perubahan harga di peringkat rantaian edaran produk pertanian iaitu harga Ladang, Borong dan Runcit mengikut negeri. MyAgroPrice merupakan inovasi yang memberikan maklumat paras dan perubahan harga produk pertanian terpilih yang boleh dimanfaatkan oleh pengguna bagi keputusan kepenggunaan.

Keberhasilan utama banci ini juga adalah berkaitan pengukuhan statistik pertanian. Banci Pertanian kini akan dilaksanakan setiap 10 tahun secara berkala bagi memastikan ketersediaan data asas yang terkini, selari dengan keperluan semasa dan cabaran masa hadapan. Bagi memperkukuhkan ketersediaan data pertanian, survei pertanian jangka pendek akan dilaksanakan secara berkala mulai 2026.

Selain itu, penerbitan Indikator Keterjaminan Makanan secara tahunan, Indeks Pengeluaran Pertanian secara suku tahunan dan Indeks Keterjaminan Makanan akan diterbitkan sebagai sumber rujukan dalam merangka hala tuju sektor pertanian negara.

KANDUNGAN

	Muka Surat
Kata Pengantar	iii
Banci Pertanian 2024	v
Kandungan	viii
Senarai Jadual	ix
Parameter Utama	3
Penemuan Utama	10
• Kelapa Sawit	16
• Getah	21
• Padi	26
• Sayur-sayuran	31
• Buah-buahan	36
• Nanas	41
• Lada	46
• Koko	51
• Kenaf	56
• Tanaman Lain	61
• Ternakan	66
• Perikanan Tangkapan	71
• Akuakultur	76
• Perhutanan & Pembalakan	81
Jadual	89
Nota Teknikal	407
Penghargaan	427
Lampiran	433

Jadual	Senarai Jadual	Muka Surat
1.0	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	89
1.1	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	90
1.2	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	91
1.3	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	92
1.4	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	98
1.5	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	104
	Kelapa Sawit	
2.0	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Kelapa Sawit Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	110
2.1	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Kelapa Sawit Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	111
2.2	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Kelapa Sawit Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	112
2.3	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Kelapa Sawit Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	113
2.4	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Kelapa Sawit Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	119
2.5	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Kelapa Sawit Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	125
	Getah	
3.0	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Getah Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	131
3.1	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Getah Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	132
3.2	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Getah Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	133
3.3	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Getah Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	134

Jadual	Senarai Jadual	Muka Surat
3.4	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Getah Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	140
3.5	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Getah Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	146
	Padi	
4.0	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Padi Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	152
4.1	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Padi Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	153
4.2	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Padi Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	154
4.3	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Padi Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	155
4.4	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Padi Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	161
4.5	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Padi Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	167
	Sayur-sayuran	
5.0	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Sayur-sayuran Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	173
5.1	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Sayur-sayuran Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	174
5.2	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Sayur-sayuran Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	175
5.3	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Sayur-sayuran Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	176
5.4	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Sayur-sayuran Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	182
5.5	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Sayur-sayuran Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	188

Jadual	Senarai Jadual	Muka Surat
	Buah-buahan	
6.0	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Buah-buahan Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	194
6.1	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Buah-buahan Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	195
6.2	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Buah-buahan Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	196
6.3	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Buah-buahan Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	197
6.4	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Buah-buahan Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	203
6.5	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Buah-buahan Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	209
	Nanas	
7.0	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Nanas Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	215
7.1	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Nanas Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	216
7.2	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Nanas Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	217
7.3	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Nanas Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	218
7.4	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Nanas Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	224
7.5	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Nanas Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	230
	Lada	
8.0	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Lada Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	236
8.1	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Lada Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	237
8.2	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Lada Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	238

Jadual	Senarai Jadual	Muka Surat
8.3	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Lada Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	239
8.4	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Lada Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	245
8.5	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Lada Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	251
	Koko	
9.0	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Koko Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	257
9.1	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Koko Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	258
9.2	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Koko Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	259
9.3	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Koko Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	260
9.4	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Koko Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	266
9.5	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Koko Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	272
	Kenaf	
10.0	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Kenaf Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	278
10.1	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Kenaf Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	279
10.2	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Kenaf Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	280
10.3	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Kenaf Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	281
10.4	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Kenaf Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	287
10.5	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Kenaf Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	293

Jadual	Senarai Jadual	Muka Surat
	Tanaman Lain	
11.0	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Tanaman Lain Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	299
11.1	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Tanaman Lain Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	300
11.2	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Tanaman Lain Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	301
11.3	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Tanaman Lain Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	302
11.4	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Tanaman Lain Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	308
11.5	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Tanaman Lain Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	314
	Ternakan	
12.0	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Ternakan Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	320
12.1	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Ternakan Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	321
12.2	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Ternakan Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	322
12.3	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Ternakan Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	323
12.4	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Ternakan Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	329
12.5	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Ternakan Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	335

Jadual	Senarai Jadual	Muka Surat
	Perikanan Tangkapan	
13.0	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Perikanan Tangkapan Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	341
13.1	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Perikanan Tangkapan Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	342
13.2	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Perikanan Tangkapan Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	343
13.3	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Perikanan Tangkapan Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	345
13.4	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Perikanan Tangkapan Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	350
13.5	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Perikanan Tangkapan Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	356
	Akuakultur	
14.0	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Akuakultur Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	362
14.1	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Akuakultur Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	363
14.2	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Akuakultur Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	364
14.3	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Akuakultur Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	365
14.4	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Akuakultur Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	371
14.5	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Akuakultur Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	377

Jadual	Senarai Jadual	Muka Surat
	Perhutanan & Pembalakan	
15.0	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Perhutanan & Pembalakan Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	383
15.1	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Perhutanan & Pembalakan Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	384
15.2	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Perhutanan & Pembalakan Mengikut Negeri, Malaysia, 2023	385
15.3	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Perhutanan & Pembalakan Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	386
15.4	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Perhutanan & Pembalakan Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	392
15.5	Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Perhutanan & Pembalakan Mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	398

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



PARAMETER UTAMA

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

PARAMETER UTAMA GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH SEKTOR PERTANIAN, MALAYSIA, 2023

Guna tenaga sektor pertanian 2023 adalah seramai 1,735,469 orang dan gaji & upah tahunan sebanyak RM18,003.10 juta.



Guna Tenaga Sektor Pertanian

Pekerja bergaji pada tahun 2023 adalah seramai 887,274 orang dan menerima purata gaji & upah tahunan sebanyak RM20,290.



Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Mengikut Negeri

Sarawak, Sabah, Johor, Perak dan Pahang menyumbang 71.3 peratus daripada Guna Tenaga sektor pertanian negara. Pulau Pinang, W.P Kuala Lumpur, Melaka, Kedah dan Selangor adalah lima negeri yang merekodkan purata gaji & upah tahunan tertinggi.



Sumber: Banci Pertanian 2024



PARAMETER UTAMA GUNA TENAGA SEKTOR PERTANIAN, 2023


JUMLAH

1,735,469
1,186,282
549,187



Kelapa Sawit

872,269
429,915
442,354



Lada

50,213
50,140
73



Tanaman lain

93,656
61,320
32,336



Getah

389,074
375,815
13,259



Akuakultur

29,411
21,299
8,112



Ternakan

108,459
67,992
40,467



Kenaf

921
910
11



Koko

7,405
7,285
120



Perhutanan & Pembalakan

24,490
9,941
14,549



Padi

192,425
190,945
1,480



Perikanan Tangkapan

126,955
121,201
5,754



Nanas

13,273
10,965
2,308



Sayur-Sayuran

138,510
112,670
25,840



Buah-Buahan

180,422
157,919
22,503

Jumlah

Individu

Pertubuhan

Sumber: Banci Pertanian 2024

Nota: Jumlah guna tenaga merujuk kepada bilangan individu yang terlibat dalam aktiviti pertanian. Walau bagaimanapun, jumlah ini bukan merupakan hasil tambah bagi semua aktiviti pertanian, kerana seorang individu boleh terlibat dalam lebih daripada satu jenis aktiviti secara serentak.

MAIN PARAMETER OF EMPLOYMENT AND SALARIES & WAGES AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023

Employment in the Agriculture sector reached 1,735,469 persons in 2023, and annual salaries & wages amounted to RM18,003.10 million.




Employment of Agriculture Sector

The number of paid employees in 2023 was 887,274 person receiving an annual mean salaries and wages of RM20,290.



Employment and Annual Mean Salaries & Wages by State

Sarawak, Sabah, Johor, Perak and Pahang accounted for 71.3 per cent of national employment in the Agriculture sector. Pulau Pinang, W.P Kuala Lumpur, Melaka, Kedah and Selangor were the five states that recorded the highest annual mean salaries & wages.



Source: Agriculture Census 2024



MAIN PARAMETER OF EMPLOYMENT IN AGRICULTURE SECTOR, 2023



TOTAL

1,735,469

1,186,282

549,187



Oil Palm

872,269

429,915

442,354



Pepper

50,213

50,140

73



Other Crops

93,656

61,320

32,336



Aquaculture

29,411

21,299

8,112



Rubber

389,074

375,815

13,259



Livestock

108,459

67,992

40,467



Kenaf

921

910

11



Cocoa

7,405

7,285

120



Forestry & Logging

24,490

9,941

14,549



Paddy

192,425

190,945

1,480



Fisheries

126,955

121,201

5,754



Pineapple

13,273

10,965

2,308



Vegetables

138,510

112,670

25,840



Fruits

180,422

157,919

22,503

Total

Individuals

Establishments

Source: Agriculture Census 2024

Note: The total employment refers to the number of individuals involved in agriculture activities. However, this total does not represent the sum of employment across all agriculture activities, as an individual may be engaged in more than one type of activity simultaneously.



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



PENEMUAN UTAMA

PENGENALAN

Laporan Banci Pertanian 2024: Guna Tenaga dan Gaji & Upah, Malaysia (Tahun Rujukan 2023), parameter yang dipaparkan dalam laporan ini menyediakan gambaran menyeluruh mengenai landskap guna tenaga serta gaji & upah di peringkat nasional, dan turut merangkumi pecahan mengikut negeri dan daerah pentadbiran, serta kategori pegangan pertanian, jenis subsektor dan aktiviti, dan pecahan taraf pekerjaan guna tenaga. Laporan ini bertujuan memberi pandangan strategik dan analisis statistik untuk menyokong perancangan, pemantauan, dan dasar pembangunan sektor pertanian di Malaysia.

Dalam laporan ini, lokasi merujuk kepada lokasi di mana aktiviti pertanian dijalankan, sama ada oleh pegangan pertanian individu atau pertubuhan, dan digunakan sebagai asas bagi analisis mengikut daerah pentadbiran.

Guna tenaga dalam laporan ini ditakrifkan sebagai semua individu yang terlibat dalam sektor pertanian, iaitu pemilik & rakan niaga yang aktif, pekerja keluarga tanpa gaji, dan pekerja bergaji. Pengukuran keseluruhan sektor pertanian dibuat berasaskan individu yang unik, tanpa mengambil kira bilangan aktiviti pertanian yang dijalankan oleh individu yang sama, bagi memastikan setiap individu dikira sekali sahaja dan mengelakkan pengiraan berganda (*double counting*).


Mengikut pecahan subsektor dan aktiviti pertanian, pengiraan guna tenaga dibuat berdasarkan bilangan penyertaan dalam setiap aktiviti pertanian. Seseorang individu yang terlibat dalam lebih daripada satu aktiviti akan dikira bagi setiap aktiviti yang disertainya mengikut taraf pekerjaan berdasarkan subsektor dan jenis aktiviti.

Gaji & upah merujuk kepada jumlah ganjaran kewangan yang diterima oleh pekerja pertanian, termasuk bayaran tetap, insentif, dan imbuhan lain. Purata gaji & upah tahunan dikira berdasarkan pecahan kategori guna tenaga bagi individu bergaji dalam setiap aktiviti pertanian sebagai asas pengiraan.

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT TARAF PEKERJAAN

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam sektor pertanian di Malaysia adalah seramai 1,735,469 orang. Daripada jumlah tersebut 780,329 orang (45.0%) merupakan pemilik dan rakan niaga yang aktif, manakala 887,274 orang (51.1%) terdiri daripada pekerja bergaji. Selebihnya, seramai 67,866 orang (3.9%) merupakan pekerja keluarga tanpa gaji. Pada masa yang sama, purata gaji & upah tahunan bagi sektor pertanian dicatatkan sebanyak RM20,290 setahun [Paparan 1].

Paparan 1: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan bagi Sektor Pertanian, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

KOTAK 1: GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH SEKTOR PERTANIAN 2023

Guna tenaga dalam laporan ini ditakrifkan sebagai semua individu yang terlibat dalam aktiviti pertanian, iaitu pemilik & rakan niaga yang aktif, pekerja keluarga tanpa gaji, dan pekerja bergaji. Pengukuran keseluruhan sektor pertanian dibuat berdasarkan individu yang unik, tanpa mengambil kira bilangan aktiviti pertanian yang dijalankan oleh individu yang sama, bagi memastikan setiap individu dikira sekali sahaja dan mengelakkan pengiraan berganda.

Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, struktur pegangan pertanian adalah seperti berikut:


- Individu dengan satu aktiviti pertanian (*Single Activity*): 1,128,469 pegangan pertanian
- Pertubuhan dengan satu aktiviti pertanian (*Single Activity*): 31,739 pegangan pertanian
- Pegangan pertanian dengan pelbagai aktiviti pertanian (*Multiple Activity*): 165,133 pegangan pertanian.

Manakala, mengikut pecahan subsektor dan aktiviti pertanian, pengiraan guna tenaga dibuat berdasarkan bilangan penyertaan dalam setiap aktiviti pertanian. Seseorang individu yang terlibat dalam lebih daripada satu aktiviti akan dikira bagi setiap aktiviti yang disertainya mengikut taraf pekerjaan berdasarkan subsektor dan jenis aktiviti.

Sumber: Banci Pertanian 2024

Mengikut pecahan pegangan pertanian individu, guna tenaga yang direkodkan adalah seramai 1,186,282 orang. Daripada jumlah ini, 63.4 peratus atau 752,645 orang merupakan pemilik dan rakan niaga yang aktif, diikuti 368,288 orang (31.0%) sebagai pekerja bergaji, manakala pekerja keluarga tanpa gaji berjumlah 65,349 orang (5.5%). Bagi pegangan pertanian individu, purata gaji dan upah tahunan dicatatkan sebanyak RM19,707 setahun [Paparan 2].


Paparan 2: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan bagi Pegangan Pertanian Individu Sektor Pertanian, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian oleh pertubuhan, jumlah guna tenaga direkodkan seramai 549,187 orang. Daripada jumlah tersebut, 27,684 orang (5.0%) atau merupakan pemilik dan rakan niaga yang aktif, manakala 518,986 orang (94.5%) terdiri daripada pekerja bergaji. Pekerja keluarga tanpa gaji pula sebanyak 2,517 orang (0.5%). Pada masa yang sama, purata gaji & upah tahunan bagi pegangan pertanian pertubuhan dicatatkan sebanyak RM20,704 setahun [Paparan 3].

Paparan 3: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Sektor Pertanian, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT NEGERI DAN DAERAH PENTADBIRAN TERPILIH

Bagi sektor pertanian pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Sarawak (353,803 orang), Sabah (281,116 orang) dan Johor (210,575 orang), dengan tiga (3) daerah teratas bagi setiap negeri ialah Miri, Subis dan Sibu bagi Sarawak; Tawau, Kinabatangan dan Lahad Datu bagi Sabah; serta Kluang, Muar dan Batu Pahat bagi Johor.

Dari segi purata gaji dan upah tahunan, negeri teratas ialah Pulau Pinang (RM23,691), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (RM23,236) dan Melaka (RM23,226), dengan tiga daerah pentadbiran teratas bagi setiap negeri ialah Barat Daya, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan bagi Pulau Pinang; serta Jasin, Alor Gajah dan Melaka Tengah bagi Melaka. [Paparan 4].

Paparan 4: Tiga Negeri dan Daerah Pentadbiran Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Sektor Pertanian, 2023

BILANGAN GUNA TENAGA	
SARAWAK • Miri 22,087 orang • Subis 19,348 orang • Sibu 17,936 orang	
SABAH • Tawau 34,367 orang • Kinabatangan 33,081 orang • Lahad Datu 31,724 orang	
JOHOR • Kluang 40,663 orang • Muar 32,430 orang • Batu Pahat 30,026 orang	


PURATA GAJI & UPAH TAHUNAN	
PULAU PINANG • Barat Daya RM31,220 • Seberang Perai Tengah RM20,817 • Seberang Perai Selatan RM20,782	
W.P. KUALA LUMPUR	
MELAKA • Jasin RM24,749 • Alor Gajah RM23,139 • Melaka Tengah RM18,416	

Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan individu pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Sarawak (224,444 orang), Sabah (163,991 orang) dan Perak (143,208 orang). Pada peringkat daerah pentadbiran yang merekodkan bilangan guna tenaga tertinggi ialah Serian - Ulu Sadong, Subis dan Lubok Antu bagi Sarawak; Tawau, Semporna dan Ranau bagi Sabah; serta Larut & Matang, Batang Padang dan Kerian di Perak.

Dari segi purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan individu, tiga negeri teratas ialah Pulau Pinang (RM25,456), Kedah (RM22,892) dan Selangor (RM21,925). Pada peringkat daerah pentadbiran, daerah pentadbiran dengan purata gaji dan upah tahunan tertinggi ialah Barat Daya, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan di Pulau Pinang, manakala Langkawi, Kuala Muda dan Kulim bagi Negeri Kedah; serta Klang, Sepang dan Kuala Selangor di Selangor [Paparan 5].

Paparan 5: Tiga Negeri Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Sektor Pertanian, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertubuhan pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Sabah (117,125 orang), Sarawak (113,359 orang) dan Pahang (88,259 orang). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan bilangan guna tenaga tertinggi ialah Kinabatangan, Lahad Datu dan Tawau bagi Sabah. Bintulu, Miri dan Mukah bagi Sarawak; serta Rompin, Cameron Highlands dan Kuantan bagi Pahang.

Dari segi purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan pertubuhan, tiga (3) negeri teratas ialah Wilayah Persekutuan Labuan (RM26,280), Melaka (RM24,361) dan Terengganu (RM23,946). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan purata gaji dan upah tahunan tertinggi ialah Jasin, Alor Gajah dan Melaka Tengah bagi Melaka; serta Kemaman, Hulu Terengganu dan Setiu bagi negeri Terengganu [Paparan 6].

Paparan 6: Tiga Negeri Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Sektor Pertanian, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT TARAF PEKERJAAN

Secara keseluruhan, guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti kelapa sawit di Malaysia pada 2023 adalah seramai 872,269 orang. Daripada jumlah tersebut, 29.4 peratus terdiri daripada pemilik & rakan niaga yang aktif iaitu seramai 256,262 orang, manakala 70.1 peratus atau 611,214 orang merupakan pekerja bergaji. Selebihnya, 4,793 orang (0.5%) ialah pekerja keluarga tanpa gaji. Secara keseluruhan, aktiviti kelapa sawit mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM19,659 [Paparan 7].


Paparan 7: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Aktiviti Tanaman Kelapa Sawit, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian individu, guna tenaga majoriti terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif seramai 244,407 orang (56.9%), diikuti pekerja bergaji dengan 180,788 orang (42.1%) dan pekerja keluarga tanpa gaji dengan 4,720 orang (1.1%). Seterusnya, purata gaji & upah tahunan dicatatkan pada RM18,809 [Paparan 8].


Paparan 8: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Tanaman Kelapa Sawit, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, komposisi guna tenaga lebih didominasi oleh pekerja bergaji dengan 430,426 orang dengan sumbangan sebanyak 97.3 peratus, manakala pemilik dan rakan niaga yang aktif dengan 11,855 orang (2.7%) dan selebihnya adalah pekerja keluarga tanpa gaji, 73 orang. Purata gaji dan upah bagi pegangan pertubuhan adalah lebih tinggi, iaitu RM20,016 per pekerja bergaji, dalam tanaman kelapa sawit. **[Paparan 9].**

Paparan 9: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Aktiviti Tanaman Kelapa Sawit, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

KOTAK 2: PENGGUNAAN GUNA TENAGA DALAM TANAMAN KELAPA SAWIT

Berdasarkan dapatan Banci Pertanian, keluasan luas bertanam kelapa sawit direkodkan sebanyak 5,822,495 hektar, dengan bilangan guna tenaga seramai 872,269 orang.

Paparan: *Snapshot* Dapatan Banci Pertanian 2024, Tanaman Kelapa Sawit, Malaysia



- Aktiviti penanaman kelapa sawit dijalankan pada skala yang besar dan masih bersifat intensif buruh, khususnya bagi aktiviti penuaian dan pengurusan ladang.
- Kebergantungan tinggi terhadap guna tenaga menjadikan sektor ini sensitif terhadap perubahan bekalan buruh dan kos upah.
- Nisbah keluasan kepada guna tenaga menunjukkan wujud ruang untuk peningkatan kecekapan, khususnya melalui penerapan teknologi dan mekanisasi ladang.
- Penambahbaikan kecekapan guna tenaga berpotensi mengurangkan kebergantungan terhadap buruh serta menyokong kemampuan pengeluaran kelapa sawit dalam jangka panjang.


Sumber: Banci Pertanian 2024

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT NEGERI DAN DAERAH PENTADBIRAN TERPILIH

Bagi pegangan pertanian kelapa sawit pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Sarawak (221,016 orang), Sabah (170,821 orang) dan Johor (134,679 orang), dengan tiga (3) daerah pentadbiran teratas bagi setiap negeri ialah Miri, Subis dan Bintulu bagi Sarawak; Kinabatangan, Lahad Datu dan Beluran bagi Sabah; serta Kluang, Batu Pahat dan Segamat bagi Johor.

Dari segi purata gaji & upah tahunan, negeri teratas ialah Melaka (RM24,562), Kedah (RM22,806) dan Sabah (RM21,123), dengan tiga (3) daerah pentadbiran teratas bagi setiap negeri ialah Jasin, Alor Gajah dan Melaka Tengah bagi Melaka; Kuala Muda, Baling dan Kubang Pasu bagi Kedah; serta Telupid, Kuala Penyu dan Putatan bagi Sabah. Perbezaan kedudukan negeri antara kedua-dua indikator ini mencerminkan variasi produktiviti, struktur operasi, dan tahap nilai tambah dalam subsektor ini [Paparan 10].

Paparan 10: Tiga Negeri dan Daerah Pentadbiran Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Aktiviti Tanaman Kelapa Sawit, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan individu pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Sarawak (104,710 orang), Johor (80,311 orang) dan Sabah (60,473 orang). Pada peringkat daerah pentadbiran yang merekodkan bilangan guna tenaga tertinggi ialah Miri, Subis dan Beluru bagi Sarawak; Kluang, Batu Pahat dan Muar bagi Johor; serta Beluran, Tawau dan Kinabatangan bagi Sabah.

Dari segi purata gaji & upah tahunan bagi pegangan individu, tiga (3) negeri teratas ialah Perlis (RM25,888), Sabah (RM25,390) dan Kedah (RM25,314). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan purata gaji dan upah tahunan tertinggi ialah Papar, Ranau dan Kuala Penyu bagi Sabah; serta Sik, Kuala Muda dan Pendang bagi Kedah [Paparan 11].

Paparan 11: Tiga Negeri Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Tanaman Kelapa Sawit, 2023

BILANGAN GUNA TENAGA	
SARAWAK 104,710 orang • Miri 9,946 orang • Subis 8,357 orang • Beluru 6,968 orang	
JOHOR 80,311 orang • Kluang 21,232 orang • Batu Pahat 19,525 orang • Muar 8,988 orang	
SABAH 60,473 orang • Beluran 8,369 orang • Tawau 7,290 orang • Kinabatangan 6,271 orang	


PURATA GAJI & UPAH TAHUNAN	
PERLIS RM25,888	
SABAH RM25,390 • Papar RM37,524 • Ranau RM36,380 • Kuala Penyu RM36,374	
KEDAH RM25,314 • Sik RM35,645 • Kuala Muda RM32,134 • Pendang RM29,704	

Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertubuhan pada 2023, tiga negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Sarawak (116,306 orang), Negeri Sabah (110,348 orang) dan Negeri Pahang (62,792 orang). Pada peringkat daerah pentadbiran, daerah dengan bilangan guna tenaga tertinggi ialah Bintulu, Mukah dan Miri bagi Sarawak; Kinabatangan, Lahad Datu dan Beluran bagi Sabah; serta Rompin, Pekan dan Bera bagi Pahang.

Dari segi purata gaji & upah tahunan bagi pegangan pertubuhan, tiga negeri teratas ialah Melaka (RM24,737), Terengganu (RM24,273) dan Kedah (RM21,440). Pada peringkat daerah pentadbiran, daerah dengan purata gaji dan upah tahunan tertinggi ialah Jasin, Alor Gajah dan Melaka Tengah bagi Melaka; Kuala Nerus, Kemaman dan Setiu bagi Terengganu; serta Kuala Muda, Kubang Pasu dan Bandar Baharu bagi Kedah **[Paparan 12]**.

Paparan 12: Tiga Negeri Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Aktiviti Tanaman Kelapa Sawit, 2023

BILANGAN GUNA TENAGA	
SARAWAK 116,306 orang	
• Bintulu 12,558 orang • Mukah 11,239 orang • Miri 9,626 orang	
SABAH 110,348 orang	
• Kinabatangan 25,792 orang • Lahad Datu 20,689 orang • Beluran 16,614 orang	
PAHANG 62,792 orang	
• Rompin 16,407 orang • Pekan 8,653 orang • Bera 7,511 orang	


PURATA GAJI & UPAH TAHUNAN	
MELAKA RM24,737	
• Jasin RM27,089 • Alor Gajah RM23,133 • Melaka Tengah RM20,442	
TERENGGANU RM24,273	
• Kuala Nerus RM37,892 • Kemaman RM37,451 • Setiu RM22,248	
KEDAH RM21,440	
• Kuala Muda RM26,034 • Kubang Pasu RM25,079 • Bandar Baharu RM24,612	

Sumber: Banci Pertanian 2024

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT TARAF PEKERJAAN

Pada tahun 2023, jumlah guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti tanaman getah di Malaysia adalah seramai 389,074 orang. Daripada jumlah tersebut, 79.0 peratus terdiri daripada pemilik & rakan niaga yang aktif iaitu seramai 307,184 orang, manakala 43,335 orang (11.1%) merupakan pekerja keluarga tanpa gaji. Selebihnya, 38,555 orang atau 9.9 peratus ialah pekerja bergaji. Secara keseluruhan, aktiviti tanaman getah mencatatkan purata gaji & upah tahunan sebanyak RM9,363 [Paparan 13].


Paparan 13: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Aktiviti Tanaman Getah, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian individu aktiviti tanaman getah, guna tenaga kebanyakannya terdiri daripada pemilik & rakan niaga yang aktif (307,000 orang), disokong oleh pekerja keluarga tanpa gaji (43,018 orang) dan pekerja bergaji (25,797 orang). Purata gaji & upah tahunan bagi pegangan pertanian individu dalam aktiviti tanaman getah ialah RM3,588 [Paparan 14].


Paparan 14: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Tanaman Getah, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, komposisi guna tenaga lebih didominasi oleh pekerja bergaji (12,758 orang), selebihnya terdiri daripada pekerja keluarga tanpa gaji (317 orang) dan pemilik & rakan niaga yang aktif (184 orang). Purata gaji & upah bagi pegangan pertanian pertubuhan adalah lebih tinggi, iaitu RM21,039 [Paparan 15].

Paparan 15: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Aktiviti Tanaman Getah, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

KOTAK 3: GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH TANAMAN GETAH 2023

Aktiviti tanaman getah merupakan antara penyumbang penting kepada guna tenaga, khususnya di kawasan luar bandar. Guna tenaga dalam aktiviti ini merangkumi pekerja ladang, pekebun kecil dan aktiviti pemprosesan yang menyumbang kepada ekonomi tempatan, di samping menyediakan peluang pekerjaan serta menyokong pendapatan isi rumah.

Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, jumlah guna tenaga bagi aktiviti tanaman getah adalah seramai 389,074 orang, dengan majoriti guna tenaga daripada pegangan pertanian individu iaitu 96.6 peratus, berbanding pegangan pertanian pertubuhan. Keluasan bertanam bagi aktiviti tanaman getah berjumlah 717,282 hektar, di mana keluasan pegangan pertanian individu dan pertubuhan masing-masing adalah 604,014 hektar dan 113,268 hektar.



Dari segi pendapatan, purata gaji & upah tahunan bagi pegangan pertanian individu direkodkan sebanyak RM3,588, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan adalah lebih tinggi iaitu RM21,039.

Sumber: Banci Pertanian 2024

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT NEGERI DAN DAERAH PENTADBIRAN TERPILIH

Bagi pegangan pertanian aktiviti tanaman getah pada tahun 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Sabah (97,029 orang), Kelantan (62,779 orang) dan Kedah (57,568 orang), dengan tiga (3) daerah teratas bagi setiap negeri ialah Kota Marudu, Keningau dan Tenom bagi Sabah; Pasir Mas, Kuala Krai dan Tanah Merah bagi Kelantan; serta Sik, Baling dan Padang Terap bagi Kedah.

Dari segi purata gaji & upah tahunan, negeri teratas ialah Selangor (RM16,670), Perak (RM13,856) dan Pahang (RM11,983), dengan tiga (3) daerah teratas bagi setiap negeri ialah Hulu Selangor, Klang dan Gombak bagi Selangor; Hulu Perak, Kuala Kangsar dan Muallim bagi Perak; serta Kuantan, Temerloh dan Lipis bagi Pahang [Paparan 16].

Paparan 16: Tiga Negeri dan Daerah Pentadbiran Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Aktiviti Tanaman Getah, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan individu pada tahun 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Sabah (95,012 orang), Kelantan (60,546 orang) dan Kedah (55,083 orang). Pada peringkat daerah, daerah yang merekodkan bilangan guna tenaga tertinggi ialah Kota Marudu, Keningau dan Tenom di Sabah; Pasir Mas, Kuala Krai dan Tanah Merah di Kelantan; serta Sik, Baling dan Padang Terap di Kedah.

Dari segi purata gaji & upah tahunan bagi pegangan individu, tiga (3) negeri teratas ialah Negeri Sembilan (RM5,937), Perlis (RM5,885) dan Pahang (RM5,025). Pada peringkat daerah, daerah dengan purata gaji & upah tahunan tertinggi ialah Tampin, Kuala Pilah dan Jelebu bagi Negeri Sembilan; Perlis; serta daerah Raub, Bentong dan Maran bagi Pahang [Paparan 17].

Paparan 17: Tiga Negeri Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Tanaman Getah, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertubuhan pada tahun 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Kedah (2,485 orang), Kelantan (2,233 orang) dan Pahang (2,097 orang). Pada peringkat daerah, daerah dengan bilangan guna tenaga tertinggi ialah Padang Terap, Kulim dan Pendang bagi Kedah; Kuala Krai, Gua Musang dan Tanah Merah bagi Kelantan; serta Lipis, Temerloh dan Kuantan bagi Pahang.

Dari segi purata gaji & upah tahunan bagi pegangan pertubuhan, tiga (3) negeri teratas ialah Sabah (RM30,660), Johor (RM23,284) dan Selangor (RM22,301). Pada peringkat daerah, daerah dengan purata gaji & upah tahunan tertinggi ialah Keningau, Tongod dan Nabawan bagi Sabah; daerah Segamat, Muar dan Tangkak bagi Johor; serta daerah Klang, Hulu Selangor dan Gombak bagi Negeri Selangor [Paparan 18].

Paparan 18: Tiga Negeri Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Aktiviti Tanaman Getah, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT TARAF PEKERJAAN

Pada tahun 2023, aktiviti tanaman padi di Malaysia melibatkan seramai 192,425 orang guna tenaga. Majoriti daripadanya terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif iaitu seramai 147,558 orang atau 76.6 peratus, diikuti oleh pekerja bergaji seramai 29,238 orang (15.2%). Selebihnya, 15,629 orang atau 8.1 peratus merupakan pekerja keluarga tanpa gaji. Secara keseluruhan, aktiviti tanaman padi merekodkan purata gaji & upah tahunan sebanyak RM17,869 [Paparan 19].


Paparan 19: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Aktiviti Tanaman Padi, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian individu, guna tenaga kebanyakannya terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif dengan 190,945 orang, disokong oleh pekerja bergaji (28,156 orang) dan pekerja keluarga tanpa gaji (15,493 orang), dengan purata gaji & upah tahunan RM17,834 [Paparan 20].


Paparan 20: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Tanaman Padi, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, struktur guna tenaga jelas didominasi oleh pekerja bergaji seramai 1,480 orang, diikuti oleh pemilik dan rakan niaga yang aktif (262 orang) serta pekerja keluarga tanpa gaji (136 orang). Komposisi ini disertai dengan purata gaji & upah tahunan yang lebih tinggi, iaitu RM18,779 [Paparan 21].

Paparan 21: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Aktiviti Tanaman Padi, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

KOTAK 4: TRANSFORMASI MEKANISASI AKTIVITI TANAMAN PADI

Pada 2023, sektor padi Malaysia mencatat pengeluaran 2.30 juta tan daripada keluasan 519,670 hektar, didorong oleh peralihan daripada tenaga kerja manual kepada teknologi moden, termasuk penggunaan 74,000 jentera dan 26,339 dron, yang secara signifikan meningkatkan produktiviti. Keberkesanan integrasi teknologi ini jelas di negeri Pulau Pinang dan Selangor, yang mencatat hasil purata melebihi 6,300 kg/ha, dengan Selangor menonjol sebagai peneraju dalam pengurusan tanaman teratur melalui penggunaan dron tertinggi sebanyak 918 unit.

Sejak 2017, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menggunakan dron secara komersial untuk semburan racun di kawasan sawah padi Muda. Penggunaan teknologi ini turut diperkukuh melalui aplikasi digital, sistem Internet of Things (IoT), dan peranti pintar, membolehkan petani memantau keadaan sawah dengan lebih efisien. Kajian menunjukkan bahawa dron meningkatkan kecekapan kerja sehingga 9.08 peratus berbanding kaedah manual (Rosedi & Shamsi, 2022). Dron dengan kapasiti tangki 10 liter menggunakan konsep low spray volume serta dilengkapi sistem automatik sepenuhnya dan GPS, membolehkan semburan jitu seluas 20 hektar sehari, sekali gus menjamin operasi yang lebih pantas, tepat, dan menjimatkan.

Rujukan:

Rosedi, F. A., & Shamsi, S. M. (2022). Comparative Efficacy of Drone Application in Chemical Spraying at Paddy Field MADA Kedah. IOP Conference Series Earth and Environmental Science, 1059(1), 012002–012002. <https://doi.org/10.1088/1755-1315/1059/1/012002>


Sumber: Banci Pertanian 2024

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT NEGERI DAN DAERAH PENTADBIRAN TERPILIH

Pada tahun 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga dalam aktiviti tanaman padi ialah Kedah dengan 74,576 orang, diikuti oleh Sarawak dengan 21,666 orang dan Perak dengan 19,600 orang. Di peringkat daerah pentadbiran, tiga (3) teratas bagi negeri-negeri tersebut ialah Kubang Pasu, Kota Setar dan Pendang di Kedah; Tebedu, Serian-Ulu Sadong dan Bau di Sarawak; serta Kerian, Perak Tengah dan Hilir Perak di Perak.

Dari segi purata gaji dan upah tahunan, tiga (3) negeri teratas ialah Perak yang merekodkan RM18,993, Kedah dengan RM18,852 dan Selangor dengan RM18,806. Daerah pentadbiran yang mencatatkan purata gaji dan upah tertinggi bagi negeri-negeri berkenaan ialah Kampar, Kerian dan Hilir Perak di Perak; Kubang Pasu, Kota Setar dan Langkawi di Kedah; serta Kuala Selangor dan Sabak Bernam di Selangor [Paparan 22].

Paparan 22: Tiga Negeri dan Daerah Pentadbiran Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Aktiviti Tanaman Padi, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan individu pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Kedah (73,991 orang), Sarawak (21,654 orang) dan Perak (19,130 orang). Pada peringkat daerah pentadbiran, daerah pentadbiran yang merekodkan bilangan guna tenaga tertinggi ialah Kubang pasu, Kota Setar dan Pendang di Kedah; Tebedu, Serian - Ulu Sadong dan Bau di Sarawak; serta Kerian, Perak Tengah dan Hilir Perak di Perak.

Dari segi purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan individu, tiga (3) negeri teratas ialah Perak (RM19,092), Kedah (RM18,840) dan Selangor (RM18,777). Pada peringkat daerah pentabiran, daerah dengan purata gaji dan upah tahunan tertinggi ialah Kerian, Hilir Perak, dan Larut & Matang di Perak; Kubang Pasu, Kota Setar dan Langkawi di Kedah; serta Kuala Selangor dan Sabak Bernam di Selangor [Paparan 23].

Paparan 23: Tiga Negeri Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Tanaman Padi, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertubuhan pada 2023, tiga negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Kedah (585 orang), Perak (470 orang) dan Pulau Pinang (98 orang). Pada peringkat daerah, daerah dengan bilangan guna tenaga tertinggi ialah Kubang Pasu, Kota Setar dan Pendang bagi Kedah; Perak Tengah, Kerian dan Hilir Perak bagi Perak; serta Barat Daya, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah bagi Pulau Pinang.

Dari segi purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan pertubuhan, tiga negeri teratas ialah Selangor (RM23,943), Pulau Pinang (RM19,484) dan Kedah (RM19,207). Pada peringkat daerah, daerah dengan purata gaji dan upah tahunan tertinggi ialah Kuala Selangor dan Sabak Bernam bagi Selangor; Seberang Perai Tengah, Barat Daya dan Seberang Perai Utara bagi Pulau Pinang; serta Kuala Muda, Kota Setar dan Sik bagi Kedah [Paparan 24].

Paparan 24: Tiga Negeri Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Aktiviti Tanaman Padi, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT TARAF PEKERJAAN

Secara keseluruhan, guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti sayur-sayuran di Malaysia pada 2023 adalah seramai 138,510 orang. Daripada jumlah tersebut, 59.8 peratus terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif iaitu seramai 82,865 orang, manakala 28.5 peratus atau 39,438 orang merupakan pekerja bergaji. Selebihnya, 16,207 orang atau 11.7 peratus ialah pekerja keluarga tanpa gaji. Secara keseluruhan, aktiviti sayur-sayuran mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM20,196 **[Paparan 25]**.


Paparan 25: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Aktiviti Tanaman Sayur-sayuran, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian individu, guna tenaga majoriti terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif iaitu 77,171 orang (68.5%), diikuti oleh pekerja bergaji, 19,681 orang atau bersamaan 17.5 peratus dan pekerja keluarga tanpa gaji sebanyak 15,818 orang (14.0%). Struktur taraf pekerjaan ini menunjukkan bahawa pegangan pertanian individu dalam aktiviti tanaman sayuran tergolong dalam kategori usaha sendiri dan berskala kecil. Tambahan itu, dengan purata gaji & upah tahunan dalam aktiviti ini mencatatkan RM21,320 setahun. **[Paparan 26]**.


Paparan 26: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Tanaman Sayur-sayuran, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, komposisi guna tenaga lebih didominasi oleh pekerja bergaji 19,757 orang (76.5%), manakala pemilik dan rakan niaga yang aktif dengan 5,694 orang (22.0%) dan pekerja keluarga tanpa gaji, 389 orang (1.5%). Seterusnya, purata gaji dan upah bagi pegangan pertubuhan dicatat sebanyak RM19,076. **[Paparan 27].**

Paparan 27: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Aktiviti Tanaman Sayur-sayuran, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

KOTAK 5: PURATA GAJI & UPAH MENGIKUT JENIS TANAMAN SAYURAN

Berdasarkan dapatan Banci Pertanian, subsektor sayur-sayuran mencatat nilai jual kira-kira RM10.21 bilion, bersamaan 6.2 peratus daripada keseluruhan nilai jual sektor pertanian, menjadikannya kedudukan ke-4 dari segi sumbangan nilai jual. Purata gaji upah tahunan bagi tanaman sayur-sayuran adalah sebanyak RM20,196.

Paparan:

Tiga Teratas bagi Purata Gaji & Upah Tahunan mengikut jenis Sayur-sayuran, Banci Pertanian, 2024.



Analisis purata gaji tahunan bagi setiap jenis tanaman menunjukkan bahawa cendawan mencatat purata tertinggi (RM36,511), diikuti oleh tomato (RM32,858) dan kobis (RM24,711). Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun sebahagian besar pegangan pertanian melibatkan sayur-sayuran seperti timun, sawi dan cili, tanaman bernilai tinggi seperti cendawan dan tomato menawarkan purata pulangan pendapatan yang lebih tinggi. Implikasi daripada dapatan ini adalah bahawa pengusaha yang mengusahakan tanaman bernilai tinggi dapat menyumbang kepada purata gaji yang lebih tinggi bagi pekerja bergaji, mencerminkan dan kecekapan tenaga kerja dalam subsektor sayur-sayuran.

Sumber: Banci Pertanian 2024

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT NEGERI DAN DAERAH PENTADBIRAN TERPILIH

Bagi pegangan pertanian sayur-sayuran pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Sarawak (28,309 orang), Sabah (19,309 orang) dan Johor (18,716 orang), dengan tiga daerah teratas bagi setiap negeri ialah Sibu, Kapit dan Kanowit di Sarawak; Ranau, Kuala Nerus dan Tawau bagi Sabah; serta Johor Bahru, Kulai dan Muar bagi Johor.

Dari segi purata gaji dan upah tahunan, negeri teratas ialah Selangor (RM22,339), Pahang (RM21,221) dan Johor (RM20,793), dengan tiga (3) daerah teratas bagi setiap negeri ialah Klang, Ulu Selangor dan Kuala Langat di Selangor; Cameron Highlands, Lipis dan Kuantan bagi Pahang; serta Tangkak, Batu Pahat dan Muar bagi Johor. **[Paparan 28].**

Paparan 28: Tiga Negeri dan Daerah Pentadbiran Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Aktiviti Tanaman Sayur-sayuran, 2023

BILANGAN GUNA TENAGA		
SARAWAK	28,309 orang	
• Sibu 3,380 orang • Kapit 2,471 orang • Kanowit 2,016 orang		
SABAH	19,309 orang	
• Ranau 5,346 orang • Kuala Nerus 2,653 orang • Tawau 2,628 orang		
JOHOR	18,716 orang	
• Johor Bahru 3,304 orang • Kulai 2,962 orang • Muar 2,535 orang		
PURATA GAJI & UPAH TAHUNAN		
SELANGOR	RM22,339	
• Klang RM26,464 • Ulu Selangor RM26,165 • Kuala Langat RM24,558		
PAHANG	RM21,221	
• Cameron Highlands RM22,450 • Lipis RM21,677 • Kuantan RM20,778		
JOHOR	RM20,793	
• Tangkak RM22,495 • Batu Pahat RM22,439 • Muar RM22,125		

Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan individu pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Sarawak (25,934 orang), Sabah (18,955 orang) dan Johor (14,057 orang). Pada peringkat daerah pentadbiran yang merekodkan bilangan guna tenaga tertinggi ialah Sibu, Kapit dan Kanowit bagi Sarawak; Ranau, Tawau dan Kuala Nerus bagi Sabah; serta Muar, Johor Bahru dan Kulai bagi Johor.

Dari segi purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan individu, tiga (3) negeri teratas ialah Selangor (RM23,907), Pahang (RM22,878) dan Johor (RM22,227). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan purata gaji dan upah tahunan tertinggi ialah Klang, Ulu Langat dan Kuala Langat bagi Selangor; Pekan, Cameron Highlands dan Temerloh bagi Pahang; serta Johor Bahru, Pontian dan Batu Pahat bagi Negeri Johor [Paparan 29].

Paparan 29: Tiga Negeri Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Tanaman Sayur-sayuran, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertubuhan pada 2023, tiga negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Pahang (5,606 orang), Johor (4,659 orang) dan Selangor (3,532 orang). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan bilangan guna tenaga tertinggi ialah Cameron Highlands, Bentong dan Temerloh bagi Pahang; Johor Bahru, Batu Pahat dan Kota Tinggi di Johor; serta Petaling, Ulu Selangor dan Gombak di Selangor.

Dari segi purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan pertubuhan, tiga negeri teratas ialah Kedah (RM22,633), Sabah (RM22,484) dan Selangor (RM20,805). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan purata gaji dan upah tahunan tertinggi ialah Langkawi, Yan dan Kubang Pasu bagi Kedah; Ranau, Tambunan dan Kota Kinabalu bagi Sabah; serta Ulu Selangor, Sabak Bernam dan Kuala Langat bagi Selangor [Paparan 30].

Paparan 30: Tiga Negeri Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Aktiviti Tanaman Sayur-sayuran, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT TARAF PEKERJAAN

Guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti tanaman buah-buahan di Malaysia pada 2023 adalah seramai 180,422 orang. Daripada jumlah tersebut, 65.9 peratus terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif iaitu seramai 118,829 orang, manakala 54,993 orang (30.5%) merupakan pekerja bergaji. Selebihnya, 6,600 orang (3.7%) ialah pekerja keluarga tanpa gaji. Secara keseluruhan, aktiviti tanaman buah-buahan mencatatkan purata gaji & upah tahunan sebanyak RM21,664 [Paparan 31].


Paparan 31: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Aktiviti Tanaman Buah-Buahan, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian individu, guna tenaga kebanyakannya terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif seramai 115,786 orang, disokong oleh pekerja bergaji (36,036 orang) dan pekerja keluarga tanpa gaji (6,097 orang) dalam skala yang lebih kecil. Operasi berskala kecil hingga sederhana yang bergantung kepada tenaga kerja tempatan, dengan purata gaji & upah tahunan RM21,550 [Paparan 32].


Paparan 32: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Tanaman Buah-Buahan, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, komposisi guna tenaga lebih didominasi oleh pekerja bergaji seramai 18,957 orang, manakala pemilik dan rakan niaga yang aktif (3,043 orang) dan pekerja keluarga tanpa gaji (503 orang) membentuk sebahagian kecil. Purata gaji & upah bagi pegangan pertubuhan adalah lebih tinggi, iaitu RM21,880, menandakan tahap produktiviti, kemahiran, dan amalan pengurusan yang lebih tersusun dalam aktiviti buah-buahan [Paparan 33].

Paparan 33: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Aktiviti Tanaman Buah-Buahan, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

KOTAK 6: GUNA TENAGA JENIS-JENIS BUAH 2023

Pertanian subsektor aktiviti tanaman buah-buahan menyumbang secara signifikan kepada guna tenaga sektor pertanian,

**GUNA TENAGA BUAH-BUAHAN:
180,442**

Jumlah guna tenaga yang tinggi adalah disebabkan kebergantungan kebanyakan tanaman buah kepada tenaga kerja intensif buruh.

Guna Tenaga Tertinggi Bagi Pertanian Buah-buahan:

- Durian
 - Guna tenaga: 66,980 orang
 - Keperluan buruh tinggi untuk penjagaan pokok dan penuaian bermusim
- Pisang
 - Guna tenaga: 34,458 orang
 - Aktiviti penanaman dan penuaian yang kerap meningkatkan permintaan buruh
- Rambutan
 - Guna tenaga: 14,132 orang
 - Penuaian bermusim melibatkan tenaga kerja separa dan sepenuh masa

Ketiga-tiga buah ini merupakan penyumbang utama kepada guna tenaga sektor pertanian aktiviti tanaman buah-buahan. Subsektor ini menyokong pendapatan petani dan bekalan buah tempatan yang berterusan.

Sumber: Banci Pertanian 2024

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT NEGERI DAN DAERAH PENTADBIRAN TERPILIH

Bagi pegangan pertanian buah-buahan pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Perak (26,077 orang), Sabah (25,287 orang) dan Johor (23,707 orang), dengan tiga (3) daerah pentadbiran teratas bagi setiap negeri ialah Larut & Matang, Batang Padang dan Kinta bagi Perak; Sipitang, Ranau dan Tuaran bagi Sabah; serta Muar, Pontian dan Tangkak bagi Johor.

Dari segi purata gaji dan upah tahunan, negeri teratas ialah Pulau Pinang (RM31,220), Johor (RM25,332) dan Pahang (RM23,962), dengan tiga (3) daerah teratas bagi setiap negeri ialah Barat Daya, Timur Laut dan Seberang Perai Tengah bagi Pulau Pinang; Kota Tinggi, Batu Pahat dan Muar bagi Johor; serta Maran, Bentong dan Raub bagi Pahang. Perbezaan kedudukan negeri antara kedua-dua indikator ini mencerminkan variasi produktiviti, struktur operasi, dan tahap nilai tambah dalam subsektor ini [Paparan 34].

Paparan 34: Tiga Negeri dan Daerah Pentadbiran Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Aktiviti Tanaman Buah-Buahan, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan individu pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Sabah (25,171 orang), Perak (24,748 orang) dan Sarawak (21,971 orang). Pada peringkat daerah pentadbiran, bilangan guna tenaga tertinggi ialah Sipitang, Ranau dan Tuaran bagi Sabah; Larut & Matang, Batang Padang dan Kinta bagi Perak; serta Kanowit, Limbang dan Lawas di Sarawak.

Dari segi purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan individu, tiga negeri teratas ialah Pulau Pinang (RM32,892), Pahang (RM29,889) dan Johor (RM25,334). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan purata gaji dan upah tahunan tertinggi ialah Barat Daya, Timur Laut dan Seberang Perai Tengah bagi Pulau Pinang; Batu Bera, Raub dan Maran di Pahang; serta Batu Pahat, Muar dan Mersing di Johor [Paparan 35].

Paparan 35: Tiga Negeri Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Tanaman Buah-Buahan, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertubuhan pada 2023, tiga negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Pahang (10,413 orang), Johor (4,928 orang) dan Perak (1,329 orang). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan bilangan guna tenaga tertinggi ialah Raub, Bentong dan Temerloh bagi Pahang; Muar, Batu Pahat dan Kulai bagi Johor; serta Batang Padang, Kinta dan Larut & Matang bagi Perak.

Dari segi purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan pertubuhan, tiga negeri teratas ialah Johor (RM25,793), Melaka (RM22,317) dan Pahang (RM21,905). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan purata gaji dan upah tahunan tertinggi ialah Kota Tinggi, Pontian dan Batu Pahat bagi Johor; Alor Gajah, Jasin dan Melaka Tengah bagi Melaka; serta Rompin, Bentong dan Jerantut bagi Pahang [Paparan 36].

Paparan 36: Tiga Negeri Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Aktiviti Tanaman Buah-Buahan, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT TARAF PEKERJAAN

Secara keseluruhan, guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti tanaman nanas di Malaysia pada 2023 adalah seramai 13,273 orang. Daripada jumlah tersebut, 69.5 peratus terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif iaitu seramai 9,219 orang, manakala 3,837 orang (28.9%) merupakan pekerja bergaji. Selebihnya, 217 orang (1.6%) ialah pekerja keluarga tanpa gaji. Secara keseluruhan, aktiviti tanaman nanas mencatatkan purata gaji & upah tahunan sebanyak RM24,641 [Paparan 37].


Paparan 37: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Aktiviti Tanaman Nanas, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian individu, guna tenaga kebanyakannya terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif seramai 8,964 orang, disokong oleh pekerja bergaji (1,808 orang) dan pekerja keluarga tanpa gaji (193 orang), dengan purata gaji & upah tahunan RM21,800 [Paparan 38].


Paparan 38: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Tanaman Nanas, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, komposisi guna tenaga lebih didominasi oleh pekerja bergaji (2,029 orang), manakala pemilik dan rakan niaga yang aktif (255 orang) dan pekerja keluarga tanpa gaji (24 orang) membentuk sebahagian kecil. Purata gaji & upah bagi pegangan pertanian pertubuhan adalah lebih tinggi, iaitu RM 27,173 [Paparan 39].

Paparan 39: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Aktiviti Tanaman Nanas, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

KOTAK 7: NANAS PERMATA NEGARA

Pada tahun 2023, industri nanas Malaysia mengukuhkan kedudukannya sebagai pemacu ekonomi agromakanan yang dinamik dengan nilai jualan mencecah RM1.68 bilion melalui pengeluaran sebanyak 586,132 tan metrik. Di sebalik keluasan tuaian 13,413 hektar, sektor ini bukan sahaja mempamerkan kecekapan pengeluaran yang tinggi, malah didorong oleh ekosistem keusahawanan yang matang di mana hampir 70 peratus penggeraknya terdiri daripada pemilik dan rakan niaga aktif. Keunggulan varieti premium seperti MD2, Josapine, dan N36 terus memperkasakan daya saing negara di persada antarabangsa, berjaya menembusi lebih 20 pasaran global utama termasuk China, Singapura, Jepun, dan UAE. Johor kekal sebagai nadi strategik industri dengan menyumbang 60.0 peratus daripada output nasional, bersamaan 351,172 tan metrik dengan nilai jualan RM0.99 bilion, sekali gus mengukuhkan peranan negeri tersebut sebagai peneraju mutlak dalam rantai nilai nanas negara.


Sumber: Banci Pertanian 2024

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT NEGERI DAN DAERAH PENTADBIRAN TERPILIH

Bagi aktiviti tanaman nanas pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Johor (4,861 orang), Sarawak (2,938 orang) dan Sabah (1,867 orang), dengan tiga (3) daerah teratas bagi setiap negeri ialah Kluang, Batu Pahat dan Pontian di Johor; Kuching, Serian - Ulu Sadong dan Samarahan di Sarawak; serta Tuaran, Kota Belud dan Penampang di Sabah.

Dari segi purata gaji dan upah tahunan, negeri teratas ialah Pahang (RM27,850), Selangor (RM26,552) dan Johor (RM26,489), dengan tiga (3) daerah teratas bagi setiap negeri ialah Rompin, Bentong dan Temerloh di Pahang; Kuala Selangor, Ulu Langat dan Gombak di Selangor; serta Kluang, Kota Tinggi dan Johor Bahru di Johor [Paparan 40].

Paparan 40: Tiga Negeri dan Daerah Pentadbiran Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Aktiviti Tanaman Nanas 2023

BILANGAN GUNA TENAGA		
JOHOR 4,861 orang • Kluang 1,259 orang • Batu Pahat 938 orang • Pontian 904 orang		
SARAWAK 2,938 orang • Kuching 313 orang • Serian - Ulu Sadong 258 orang • Samarahan 216 orang		
SABAH 1,867 orang • Tuaran 494 orang • Kota Belud 303 orang • Penampang 157 orang		
PURATA GAJI & UPAH TAHUNAN		
PAHANG RM27,850 • Rompin RM32,595 • Bentong RM26,332 • Temerloh RM25,701		
SELANGOR RM26,552 • Kuala Selangor RM31,625 • Ulu Langat RM30,684 • Gombak RM28,445		
JOHOR RM26,489 • Kluang RM32,193 • Kota Tinggi RM23,913 • Johor Bahru RM23,876		

Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan individu pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Johor (3,390 orang), Sarawak (2,889 orang) dan Sabah (1,759 orang). Pada peringkat daerah pentadbiran yang merekodkan bilangan guna tenaga tertinggi ialah Batu Pahat, Muar dan Pontian bagi Johor; Kuching, Serian - Ulu Sadong dan Samarahan di Sarawak; serta Tuaran, Kota Belud dan Penampang di Sabah.

Dari segi purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan individu, tiga (3) negeri teratas ialah Johor (RM23,874), Selangor (RM22,961) dan Kelantan (RM22,484). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan purata gaji & upah tahunan tertinggi ialah Kota Tinggi, Kluang dan Johor Bahru bagi Johor; Kuala Selangor, Ulu Langat dan Petaling di Selangor; serta Kuala Krai, Tanah Merah dan Kota Bharu di Kelantan [Paparan 41].

Paparan 41: Tiga Negeri Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Tanaman Nanas, 2023


BILANGAN GUNA TENAGA		
JOHOR 3,390 orang Batu Pahat 925 orang Muar 881 orang Pontian 582 orang		
SARAWAK 2,889 orang Kuching 306 orang Serian - Ulu Sadong 258 orang Samarahan 191 orang		
SABAH 1,759 orang Tuaran 494 orang Kota Belud 303 orang Penampang 157 orang		
PURATA GAJI & UPAH TAHUNAN		
JOHOR RM23,874 Kota Tinggi RM28,015 Kluang RM25,765 Johor Bahru RM25,700		
SELANGOR RM22,961 Kuala Selangor RM31,625 Ulu langat RM30,703 Petaling RM27,461		
KELANTAN RM22,484 Kuala Krai RM30,241 Tanah Merah RM25,500 Kota Bharu RM23,611		

Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertubuhan pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Johor (1,471 orang), Pahang (297 orang) dan Perak (113 orang). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan bilangan guna tenaga tertinggi ialah Kluang, Pontian dan Kota Tinggi di Johor; Rompin, Temerloh dan Bentong di Pahang; serta Batang Padang, Perak Tengah dan Hulu Perak di Perak.

Dari segi purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan pertubuhan, tiga (3) negeri teratas ialah Selangor (RM29,772), Pahang (RM29,149) dan Johor (RM27,861). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan purata gaji dan upah tahunan tertinggi ialah Ulu Langat, Kuala Langat dan Ulu Selangor di Selangor; Rompin, Bentong dan Temerloh di Pahang; serta Kluang, Kota Tinggi dan Kulai di Johor [Paparan 42].

Paparan 42: Tiga Negeri Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Nanas, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT TARAF PEKERJAAN

Secara keseluruhan, guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti tanaman lada di Malaysia pada 2023 adalah seramai 50,213 orang. Daripada jumlah tersebut, 65.0 peratus terdiri daripada pemilik & rakan niaga yang aktif iaitu seramai 32,663 orang, manakala 5,626 orang (11.2%) merupakan pekerja bergaji. Selebihnya, 11,924 orang (23.8%) ialah pekerja keluarga tanpa gaji. Secara keseluruhan, aktiviti tanaman lada mencatatkan purata gaji & upah tahunan sebanyak RM8,544 [Paparan 43].


Paparan 43: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Aktiviti Tanaman Lada, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian individu, guna tenaga kebanyakannya terdiri daripada pemilik & rakan niaga yang aktif (32,659 orang), disokong oleh pekerja bergaji (5,588 orang) dan pekerja keluarga tanpa gaji (11,893 orang) dalam skala yang lebih kecil dengan purata gaji & upah tahunan sebanyak RM8,477 [Paparan 44].


Paparan 44: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Tanaman Lada, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, komposisi guna tenaga lebih didominasi oleh pekerja bergaji (38 orang), manakala pemilik dan rakan niaga yang aktif (4 orang) dan pekerja keluarga tanpa gaji (31 orang) membentuk sebahagian kecil. Purata gaji & upah bagi pegangan pertubuhan adalah lebih tinggi, iaitu RM18,334 [Paparan 45].

Paparan 45: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Aktiviti Tanaman Lada, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

KOTAK 8: PENGGUNAAN GUNA TENAGA DAN PENGELUARAN DALAM TANAMAN LADA

- Guna tenaga untuk lada merujuk kepada bilangan pekerja yang terlibat secara langsung dalam aktiviti penanaman, penyelenggaraan, penuaian, pemprosesan dan pengurusan ladang lada.
- Terdapat dua jenis utama yang ditanam iaitu lada biasa dan lada hitam, masing-masing memerlukan teknik penanaman dan penjagaan yang khusus.
- Penanaman lada hitam, biasanya, memerlukan lebih perhatian dalam proses penyelenggaraan dan penuaian untuk memastikan kualiti biji lada terjaga.
- Berdasarkan penerbitan Banci Pertanian 2023 mengikut jumlah guna tenaga, jumlah luas bertanam dan jumlah kuantiti pengeluaran bagi lada:
 Jumlah guna tenaga: 50,213 orang
 Jumlah luas bertanam: 8363 hektar
 Jumlah kuantiti pengeluaran: 35,942,221 kg
- Secara purata, penanaman lada memerlukan penglibatan guna tenaga yang tinggi bagi setiap hektar, manakala tahap pengeluaran yang dicapai mencerminkan keupayaan sektor ini dalam menyumbang secara signifikan kepada hasil pertanian negara.

Sumber: Banci Pertanian 2024

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT NEGERI DAN DAERAH PENTADBIRAN TERPILIH

Bagi pegangan pertanian lada pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Sarawak (49,518 orang), Sabah (367 orang) dan Johor (161 orang), dengan tiga (3) daerah pentadbiran teratas bagi setiap negeri ialah Julau, Tebedu dan Pakan di Sarawak; Tambunan, Keningau dan Kota Belud di Sabah; serta Johor Bahru, Kulai dan Pontian di Johor.

Dari segi purata gaji dan upah tahunan, tiga (3) negeri teratas ialah Kedah (RM22,934), Kelantan (RM16,725) dan Perak (RM15,116), dengan daerah pentadbiran teratas bagi setiap negeri ialah Sik dan Bandar Baharu di Kedah; Tumpat di Kelantan; serta Kinta di Perak. **[Paparan 46].**

Paparan 46: Tiga Negeri dan Daerah Pentadbiran Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Aktiviti Tanaman Lada, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan individu pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Sarawak (49,508 orang), Sabah (367 orang) dan Johor (148 orang). Pada peringkat daerah pentadbiran yang merekodkan bilangan guna tenaga tertinggi ialah Julau, Tebedu dan Pakan di Sarawak; Tambunan, Keningau dan Kota Belud di Sabah; serta Johor Bahru, Kulai dan Pontian di Johor.

Dari segi purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan individu, tiga (3) negeri teratas ialah Kedah (RM21,912), Kelantan (RM16,725) dan Pulau Pinang (RM10,198). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan purata gaji & upah tahunan tertinggi ialah Bandar Baharu di Kedah; Tumpat di Kelantan; serta Seberang Perai Selatan di Pulau Pinang [Paparan 47].

Paparan 47: Tiga Negeri Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Tanaman Lada, 2023

BILANGAN GUNA TENAGA	
SARAWAK 49,508 orang	
• Julau 6,069 orang • Tebedu 4,766 orang • Pakan 4,693 orang	
SABAH 367 orang	
• Tambunan 147 orang • Keningau 36 orang • Kota Belud 29 orang	
JOHOR 148 orang	
• Johor Bahru 69 orang • Kulai 25 orang • Pontian 16 orang	


PURATA GAJI & UPAH TAHUNAN	
KEDAH RM21,912	
• Bandar Baharu RM21,912	
KELANTAN RM16,725	
• Tumpat RM16,725	
PULAU PINANG RM10,198	
• Seberang Perai Selatan RM10,198	

Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertubuhan pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Terengganu (20 orang), Pahang (14 orang) dan Johor (13 orang). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan bilangan guna tenaga tertinggi ialah Setiu dan Dungun di Terengganu; Bentong di Pahang; serta Kota Tinggi dan Kluang di Johor.

Dari segi purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan pertubuhan, tiga (3) negeri teratas ialah Kedah (RM23,190), Johor (RM20,001) dan Perak (RM19,314). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan purata gaji & upah tahunan tertinggi ialah Sik di Kedah; Kota Tinggi dan Kluang di Johor; serta Kinta di Perak [Paparan 48].

Paparan 48: Tiga Negeri Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Aktiviti Tanaman Lada, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT TARAF PEKERJAAN

Secara keseluruhan, guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti tanaman koko di Malaysia pada 2023 adalah seramai 7,405 orang. Daripada jumlah tersebut, 56.4 peratus terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif iaitu seramai 4,175 orang, manakala 25.4 peratus atau 1,881 orang merupakan pekerja bergaji. Selebihnya, 1,349 orang (18.2%) ialah pekerja keluarga tanpa gaji. Secara keseluruhan, aktiviti tanaman koko mencatatkan purata gaji & upah tahunan sebanyak RM2,815 [Paparan 49].


Paparan 49: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Aktiviti Tanaman Koko, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian individu, guna tenaga kebanyakannya terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif (4,159 orang), disokong oleh pekerja bergaji (1,851 orang) dan pekerja keluarga tanpa gaji (1,275 orang) dalam skala yang lebih kecil dengan purata gaji & upah tahunan RM2,568 [Paparan 50].


Paparan 50: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Tanaman Koko, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, komposisi guna tenaga lebih didominasi oleh pekerja keluarga tanpa gaji (74 orang), manakala pemilik dan rakan niaga yang aktif (16 orang) dan pekerja bergaji (30 orang). Purata gaji & upah bagi pegangan pertubuhan adalah lebih tinggi, iaitu RM18,071 [Paparan 51].

Paparan 51: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Aktiviti Tanaman Koko, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

KOTAK 9: GUNA TENAGA DAN PRODUKTIVITI TANAMAN KOKO

- Guna tenaga untuk koko merujuk kepada tenaga manusia yang diperlukan untuk memastikan tanaman koko berkembang dengan baik, termasuk penjagaan anak pokok, pengawalan penyakit, penuaian biji matang, dan pemprosesan biji sebelum dijual.
- Koko ialah biji buah pokok koko yang digunakan terutamanya dalam pembuatan coklat, minuman koko, dan produk pemanis lain.
- Anak pokok koko merujuk kepada benih atau tunas muda yang ditanam untuk menghasilkan pokok koko baru.
- Berdasarkan penerbitan Banci Pertanian 2023 bagi koko:
 - Jumlah guna tenaga: 7,405 orang
 - Jumlah luas bertanam: 4,902 hektar
 - Jumlah kuantiti pengeluaran: 303,167 kg
- Sektor koko menunjukkan pengeluaran yang bergantung tinggi kepada tenaga manusia dan pengurusan ladang yang berkesan, dengan luas tanaman yang signifikan dan pengeluaran biji koko yang stabil.

Sumber: Banci Pertanian 2024


GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT NEGERI DAN DAERAH PENTADBIRAN TERPILIH

Bagi pegangan pertanian koko pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Sabah (4,243 orang), Sarawak (2,082 orang) dan Perak (471 orang), dengan tiga daerah pentadbiran teratas bagi setiap negeri ialah Ranau, Keningau dan Tambunan di Sabah; Simunjan - Hilir Sadong, Kuching dan Sebuyau di Sarawak; serta Kuala Kangsar, Kinta dan Batang Padang di Perak.

Dari segi purata gaji & upah tahunan, tiga (3) negeri teratas ialah Pahang (RM5,565), Johor (RM5,126) dan Kedah (RM3,115), dengan daerah pentadbiran teratas bagi setiap negeri ialah Lipis, Raub dan Jerantut di Pahang; Segamat, Kulai dan Batu Pahat di Johor; serta Kubang Pasu dan Kulim di Kedah. [Paparan 52].

Paparan 52: Tiga Negeri dan Daerah Pentadbiran Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Aktiviti Tanaman Koko, 2023

BILANGAN GUNA TENAGA	
SABAH 4,243 orang Ranau 1,662 orang Keningau 404 orang Tambunan 319 orang 	
SARAWAK 2,082 orang Simunjan - Hilir Sadong 399 orang Kuching 212 orang Sebuyau 212 orang 	
PERAK 471 orang Kuala Kangsar 204 orang Kinta 78 orang Batang Padang 66 orang 	

PURATA GAJI & UPAH TAHUNAN	
PAHANG RM5,565 Lipis RM2,532 Raub RM2,097 Jerantut RM2,020 	
JOHOR RM5,126 Segamat RM18,583 Kulai RM9,847 Batu Pahat RM3,122 	
KEDAH RM3,115 Kubang Pasu RM3,131 Kulim RM3,067 	

Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan individu pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Sabah (4,203 orang), Sarawak (2,069 orang) dan Perak (453 orang). Pada peringkat daerah pentadbiran yang merekodkan bilangan guna tenaga tertinggi ialah Ranau, Keningau dan Tambunan bagi Sabah; Simunjan, Kuching dan Sebuyau di Sarawak; serta Kuala Kangsar, Kinta dan Batang Padang di Perak.

Dari segi purata gaji & upah tahunan bagi pegangan individu, tiga (3) negeri teratas ialah Kedah (RM3,115), Johor (RM2,803) dan Kelantan (RM2,785). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan purata gaji & upah tahunan tertinggi ialah Kubang Pasu dan Kulim di Kedah; Batu Pahat, Pontian dan Muar di Johor; serta Machang, Gua Musang dan Kuala Krai di Kelantan [Paparan 53].

Paparan 53: Tiga Negeri Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Tanaman Koko, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertubuhan pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Sabah (40 orang), Pahang (35 orang) dan Perak (18 orang). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan bilangan guna tenaga tertinggi ialah Kunak dan Tawau di Sabah; Temerloh, Maran dan Bera di Pahang; serta Bagan Datuk dan Manjung di Perak.

Dari segi purata gaji & upah tahunan bagi pegangan pertubuhan, tiga (3) negeri teratas ialah Sarawak (RM23,839), Pahang (RM17,610) dan Johor (RM17,127). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan purata gaji & upah tahunan tertinggi ialah Lundu di Sarawak; Bera dan Maran di Pahang; serta Segamat dan Kulai di Johor [Paparan 54].

Paparan 54: Tiga Negeri Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Aktiviti Tanaman Koko, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT TARAF PEKERJAAN

Secara keseluruhan, guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti tanaman kenaf di Malaysia pada 2023 adalah seramai 921 orang. Daripada jumlah tersebut, 95.3 peratus terdiri daripada pemilik & rakan niaga yang aktif iaitu seramai 878 orang, manakala 41 orang (4.5%) merupakan pekerja bergaji. Selebihnya, 2 orang (0.2%) ialah pekerja keluarga tanpa gaji. Secara keseluruhan, aktiviti tanaman kenaf mencatatkan purata gaji & upah tahunan sebanyak RM4,382 [Paparan 55].

Paparan 55: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Aktiviti Tanaman Kenaf, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian individu, guna tenaga kebanyakannya terdiri daripada pemilik & rakan niaga yang aktif (874 orang), disokong oleh pekerja bergaji (34 orang) dan pekerja keluarga tanpa gaji (2 orang) dalam skala yang lebih kecil dengan purata gaji & upah tahunan RM1,346 [Paparan 56].

Paparan 56: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Tanaman Kenaf, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, komposisi guna tenaga lebih didominasi oleh pekerja bergaji (7 orang), manakala pemilik & rakan niaga yang aktif dengan 4 orang. Purata gaji & upah tahunan bagi pegangan pertubuhan adalah lebih tinggi, iaitu RM19,124 [Paparan 57].

Paparan 57: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Aktiviti Tanaman Kenaf, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

KOTAK 10: PENGGUNAAN GUNA TENAGA DALAM PENANAMAN KENAF

- Menurut Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), penanaman kenaf di Malaysia bermula melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) pada tahun 2000, diperkenalkan sebagai tanaman pengenalan pada 2004, dan seterusnya dikembangkan secara meluas ke seluruh negara sekitar 2010 sebagai alternatif kepada tanaman tembakau.
- Guna tenaga untuk kenaf merujuk kepada bilangan pekerja yang terlibat dalam penanaman, penyelenggaraan, penuaian dan pengurusan ladang kenaf.
- Kenaf menghasilkan dua komponen utama iaitu benih dan fiber.
- Benih digunakan semula untuk penanaman atau dijual sebagai produk pertanian, manakala fiber adalah serat batang yang diproses untuk kegunaan industri seperti tekstil, kertas dan bahan binaan.
- Berdasarkan penerbitan Banci Pertanian 2023 bagi kenaf:
 Jumlah guna tenaga: 921 orang
 Jumlah luas bertanam: 1496 hektar
 Jumlah kuantiti pengeluaran: 9,917 tan
- Sektor kenaf menunjukkan pengeluaran yang bergantung kepada tenaga manusia dan pengurusan ladang yang teratur, dengan luas tanaman yang sederhana dan pengeluaran benih serta fiber yang berpotensi untuk kegunaan pertanian dan industri, berdasarkan Banci Pertanian 2023.


Sumber: Banci Pertanian 2024

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT NEGERI DAN DAERAH PENTADBIRAN TERPILIH

Bagi pegangan pertanian Kenaf pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Pahang (486 orang), Terengganu (135 orang) dan Perlis (113 orang), dengan dua (2) daerah pentadbiran teratas bagi setiap negeri ialah Pekan dan Kuantan di Pahang; Setiu, Besut dan Marang di Terengganu; serta Perlis.

Dari segi Purata Gaji & Upah Tahunan, negeri teratas ialah Pahang (RM11,893), Perlis (RM7,125) dan Johor (RM3,360), dengan dua (2) daerah pentadbiran teratas bagi setiap negeri ialah Kuantan, dan Pekan di Pahang; Perlis; serta Kota Tinggi di Johor. **[Paparan 58]**.

Paparan 58: Tiga Negeri dan Daerah Pentadbiran Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Aktiviti Tanaman Kenaf, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan individu pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Pahang (481 orang), Terengganu (135 orang) dan Perlis (108 orang). Pada peringkat daerah pentadbiran yang merekodkan bilangan guna tenaga tertinggi ialah Pekan dan Kuantan di Pahang; Setiu, Besut dan Marang di Terengganu; serta Perlis.

Dari segi purata gaji & upah tahunan bagi pegangan individu, tiga (3) negeri teratas ialah Johor (RM3,360), Perlis (RM1,833) dan Kedah (RM1,527). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan purata gaji dan upah tahunan tertinggi ialah Kota Tinggi di Johor; Perlis; serta Kubang Pasu dan Padang Terap di Kedah [Paparan 59].

Paparan 59: Tiga Negeri Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Tanaman Kenaf, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertubuhan pada 2023, tiga (3) negeri teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Perlis (5 orang), Pahang (5 orang) dan Kedah (1 orang). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan bilangan guna tenaga tertinggi ialah Perlis; Pekan dan Kuantan di Pahang; serta Pokok Sena di Kedah.

Dari segi purata gaji & upah tahunan bagi pegangan pertubuhan, dua (2) negeri teratas ialah Perlis (RM21,680) dan Pahang (RM15,717). Pada peringkat daerah pentadbiran dengan purata gaji & upah tahunan tertinggi ialah Pekan dan Kuantan di Melaka **[Paparan 60]**.

Paparan 60: Tiga Negeri Teratas mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Aktiviti Tanaman Kenaf, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT TARAF PEKERJAAN

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti tanaman lain di Malaysia pada 2023 adalah seramai 93,656 orang. Daripada jumlah tersebut, 48.0 peratus terdiri daripada pemilik & rakan niaga yang aktif iaitu seramai 45,015 orang, manakala 44,473 orang (47.5%) merupakan pekerja bergaji. Selebihnya, 4,168 orang (4.5%) ialah pekerja keluarga tanpa gaji. Secara keseluruhan, aktiviti tanaman lain mencatatkan purata gaji & upah tahunan sebanyak RM 21,217 [Paparan 61].


Paparan 61: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Aktiviti Tanaman Lain, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian individu, guna tenaga kebanyakannya terdiri daripada pemilik & rakan niaga yang aktif (42,856 orang), disokong oleh pekerja bergaji (14,732 orang) dan pekerja keluarga tanpa gaji (3,732 orang) dalam skala yang lebih kecil dengan purata gaji & upah tahunan RM 19,903 [Paparan 62].


Paparan 62: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Tanaman Lain, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, komposisi guna tenaga lebih didominasi oleh pekerja bergaji (29,741 orang), manakala pemilik & rakan niaga yang aktif (2,159 orang) dan pekerja keluarga tanpa gaji (436 orang) membentuk sebahagian kecil. Purata gaji & upah bagi pegangan pertubuhan adalah lebih tinggi, iaitu RM 21,867 [Paparan 63].

Paparan 63: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Aktiviti Tanaman Lain, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

KOTAK 11: GUNA TENAGA TANAMAN LAIN 2023

Pertanian tanaman lain merangkumi tanaman selain tanaman utama seperti padi, sayur-sayuran dan buah-buahan. Ini termasuk jenis tanaman seperti kelapa, serai, jagung manis, tanaman hiasan serta tanaman khusus lain, yang mempunyai peranan penting dari segi ekonomi dan penglibatan pekebun kecil serta sederhana.

Berdasarkan Banci Pertanian 2024 jumlah luas bertanam bagi tanaman lain adalah sebanyak 137,907 hektar dan terdiri daripada 93,656 orang. Mengikut jenis tanaman lain, terdapat tiga jenis tanaman yang mempunyai bilangan guna tenaga tertinggi beserta keluasan tanaman masing-masing iaitu;

- 7.1.5 **Perhutanan dan pembalakan** termasuk pengeluaran kayu balak untuk industri berasaskan kayu, meliputi pengestrakan dan pengumpulan produk hutan bukan kayu yang tumbuh liar. Selain pengeluaran kayu balak, aktiviti perhutanan yang menghasilkan produk melalui proses minima seperti kayu api, kayu arang, reja kayu dan kayu balak yang digunakan dalam bentuk yang belum diproses. Aktiviti ini boleh dijalankan dalam hutan asli dan ladang hutan. Ia juga termasuk sebahagian daripada aktiviti operasi perhutanan berdasarkan bayaran atau secara kontrak.

7.2 Pegangan Pertanian

Pegangan Pertanian secara ideal ditakrifkan sebagai satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal untuk tujuan pengeluaran pertanian tanpa mengambil kira hak milik, taraf sah atau saiz tanah. Pegangan Pertanian terdiri daripada dua (2) kategori iaitu Individu dan Pertubuhan Perniagaan. Maklumat untuk profil pegangan pertanian merujuk kepada lokasi tempat kediaman atau lokasi pertubuhan perniagaan.

7.3 Pegangan Pertanian Individu adalah seseorang yang menjalankan aktiviti sebagai Pengusaha bagi tujuan pengeluaran tanaman, ternakan, perikanan, akuakultur dan atau pembalakan & perhutanan. Contoh pengusaha yang menjalankan aktiviti pertanian adalah seperti berikut:

- i. Petani/Peladang/Pesawah - individu yang mengusahakan tanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman ladang (kelapa sawit, getah, koko, kelapa, nanas dan lada) dan tanaman lain.
- ii. Nelayan - individu yang mendapat pendapatan melalui aktiviti menangkap ikan di laut, tasik atau di sungai. Nelayan terdiri daripada tekong dan pemilik (tidak termasuk awak-awak).
- iii. Penternak akuakultur - individu yang mengusahakan aktiviti akuakultur untuk tujuan komersial. Aktiviti akuakultur merujuk kepada proses pengeluaran yang melibatkan pengkulturan termasuk tuaian organisma akuatik (ikan, moluska, krustasia, tumbuhan, buaya, aligator, dan amfibia) menggunakan teknik yang direkabentuk untuk meningkatkan pengeluaran organisma tersebut melebihi kapasiti persekitaran semulajadi (sebagai contoh, stok biasa, pemberian makanan dan perlindungan daripada pemangsa).
- iv. Penternak - individu yang memiliki, memelihara dan/ atau membiak ternakan untuk tujuan komersial seperti unggas, lembu termasuk hasil ternakan seperti telur, susu, madu dan sebagainya.

7.4 Pertubuhan Perniagaan ditakrifkan sebagai:

“Satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah yang menjalankan satu atau beberapa aktiviti di suatu tempat/lokasi fizikal”. Setiap pertubuhan dikelaskan mengikut industri berdasarkan aktiviti utama dan bukannya mengikut aktiviti syarikat induk.

Setiap cawangan organisasi yang mempunyai beberapa cawangan di lokasi berlainan dari segi konsep dianggap sebagai pertubuhan yang berlainan. Pertubuhan berkenaan diminta memberikan penyata yang berasingan bagi setiap kegiatannya dari segi nilai. Walau bagaimanapun, dari segi praktis akaun biasanya disediakan secara berpusat kerana kesukaran untuk memperoleh data yang berasingan bagi setiap unit atau cawangan. Entiti atau ‘enterprise’ ini akan dianggap sebagai satu unit pelapor dan dibenarkan mengemukakan soal selidik yang menggabungkan semua unit atau cawangannya.

Dalam penyusunan parameter pertanian, pertubuhan pertanian dirujuk sebagai Pegangan Pertanian Pertubuhan dan boleh terdiri daripada syarikat; badan bukan kerajaan (NGO); institusi seperti masjid, sekolah dan penjara; persatuan yang menjalankan aktiviti pertanian bagi tujuan jualan.

8. TAHUN BANCİ

Tahun banci adalah merujuk kepada tahun pelaksanaan banci.

9. TAHUN RUJUKAN

Tahun rujukan bagi maklumat yang dikumpul dalam banci ini merujuk kepada tahun rujukan aktiviti pertanian mengikut tahun takwim. Pertubuhan yang mempunyai tahun kewangan yang berbeza daripada tahun takwim perlu menyediakan laporan mengikut tahun perakaunan atau kewangan yang meliputi sekurang-kurangnya enam bulan dalam tahun rujukan.

10. UNIT PELAPOR

Unit pelapor adalah **pegangan pertanian individu** dan **pegangan pertanian pertubuhan** yang menjalankan aktiviti pertanian.

11. LOKASI PEGANGAN PERTANIAN

Lokasi pegangan pertanian merujuk kepada lokasi TK biasa pegangan pertanian individu, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan berdasarkan alamat pertubuhan.

12. LOKASI AKTIVITI

Lokasi aktiviti merujuk kepada lokasi aktiviti pertanian dijalankan. Satu pegangan pertanian individu atau pegangan pertanian pertubuhan boleh menjalankan satu/ lebih aktiviti pertanian di lokasi yang sama atau di lokasi yang berlainan.

13. KELUASAN BERTANAM

Luas Bertanam sesuatu tanaman adalah berasaskan kepada Luas Bertanam Tanaman Setara (CHE). Luas Bertanam Tanaman Setara untuk tanaman kekal diperolehi melalui pengiraan jumlah bilangan pokok di dalam sesuatu lot dibahagikan dengan bilangan pokok yang disyorkan sehektar bagi tanaman tersebut. Bagi tanaman jangka pendek, Luas Bertanam Tanaman Setara ialah jumlah luas bertanam yang ditanam beberapa kali setahun di atas kawasan yang sama. Luas Bertanam tanaman merangkumi semua kawasan pertanian di Malaysia termasuk di sektor pekebun kecil (individu dan kelompok), estet seperti FELDA, FELCRA, RISDA, Rancangan Negeri, Jabatan/ Agensi Kerajaan dan lain-lain skim pembangunan pertanian.

14. KELUASAN BERTUAI

Keluasan bertuai menggunakan konsep yang sama dengan Luas Berhasil Tanaman Setara (CHE). Luas Berhasil Tanaman Setara untuk tanaman kekal diperolehi melalui pengiraan jumlah bilangan pokok yang di tuai di dalam sesuatu lot dibahagikan dengan bilangan pokok yang disyorkan sehektar bagi tanaman tersebut. Bagi tanaman jangka pendek, Luas Berhasil Tanaman Setara ialah jumlah luas berhasil yang dituai beberapa kali setahun di atas kawasan yang sama. Luas berhasil tanaman merangkumi semua kawasan pertanian di Malaysia termasuk di sektor pekebun kecil (individu dan kelompok), estet seperti FELDA, FELCRA, RISDA, Rancangan Negeri, Jabatan/ Agensi Kerajaan dan lain-lain skim pembangunan pertanian.

15. KELUASAN TERNAKAN AKUAKULTUR

Keluasan ternakan akuakultur merujuk kepada luas kawasan yang digunakan untuk ternakan (effective area) mengikut jenis sistem ternakan bagi hidupan akuatik seperti ikan, udang dan moluska. Di Malaysia, jenis sistem ternakan akuakultur boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk seperti kolam tanah, kolam konkrit, tangki, sangkar, kandang, hatcheri/nursery, rumpai laut, tumbuhan akuatik, kerang-kerangan dan lain-lain.

16. KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran merujuk kepada jumlah pengeluaran aktiviti pertanian yang boleh dikeluarkan untuk tujuan jualan. Kuantiti pengeluaran juga merujuk kepada kuantiti yang rosak selepas dikeluarkan tetapi belum dijual/diproses/diguna sendiri, digunakan untuk proses menjadi hasil pertanian dan kegunaan sendiri individu/ pertubuhan.

16.1 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman

Merujuk kepada jumlah pengeluaran aktiviti tanaman kekal dan tidak kekal. Tanaman kekal merujuk kepada aktiviti tanaman yang melibatkan tempoh masa yang lebih panjang dan boleh menghasilkan hasil sepanjang tahun atau untuk beberapa tahun. Jenis tanaman adalah dalam bentuk komoditi, seperti kelapa sawit, getah, koko, lada dan kelapa. Tanaman tidak kekal merujuk kepada aktiviti tanaman yang melibatkan tempoh masa yang pendek dan hanya satu atau dua musim sahaja. Jenis tanaman adalah seperti sayur sayuran dan aktiviti tanaman industri.

16.2 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan

Merujuk kepada bilangan yang dikeluarkan daripada aktiviti ternakan termasuk kuantiti ternakan atau hasil ternakan yang rugi, kuantiti untuk diproses, kuantiti untuk kegunaan sendiri dan kuantiti yang dijual. Kuantiti pengeluaran meliputi binatang yang digunakan untuk tujuan sembelihan, baka dan ternakan belum matang seperti anak ayam/kambing/lembu untuk peliharaan; kuantiti hasil ternakan seperti telur, susu segar, madu dan sarang burung.

16.3 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan

Merujuk kepada kuantiti bagi jumlah tangkapan/ pendaratan ikan.

16.4 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur

Merujuk kepada jumlah pengeluaran akuakultur.

16.5 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perhutanan dan Pembalakan

Merujuk kepada kuantiti pengeluaran aktiviti pengusaha hasil hutan yang diukur dalam unit kilogram bagi pengeluaran hasil hutan bukan kayu yang tumbuh liar seperti pengumpulan rotan, buluh; pemungutan sarang burung; pengumpulan pokok sagu liar; dan pengumpulan produk hutan bukan kayu seperti damar, buah berangan, buah kerdas, buah keranji, petai, daun bertam, daun nipah, daun kajang, minyak keruing, lilin lebah dan madu, nira, pucuk midin, rebung dan lain-lain. Manakala bagi pengeluaran aktiviti berasaskan kayu merujuk kepada pengeluaran kayu balak; pengeluaran arang kayu dalam hutan yang menggunakan kaedah tradisional; pembalakan kayu getah; dan ladang hutan/ nurseri yang diukur dalam unit meter padu.

17. KUANTITI JUALAN

Kuantiti jualan adalah kuantiti pengeluaran daripada aktiviti pertanian yang digunakan untuk tujuan jualan dan nilainya kurang atau sama dengan kuantiti pengeluaran.

18. NILAI JUALAN

Nilai jualan merujuk kepada jumlah pendapatan yang diperoleh daripada jualan aktiviti pertanian berdasarkan kuantiti dan harga semasa penjualan tersebut dilaksanakan:

Nilai Jualan = Kuantiti Jualan x Harga Semasa.

19. PENDAPATAN

Pendapatan merujuk kepada nilai pendapatan yang berkaitan dengan aktiviti pertanian.

Pendapatan ini merangkumi pendapatan yang diperoleh daripada nilai jualan hasil aktiviti pertanian, aktiviti pertanian yang dijalankan untuk pihak lain, hasil pertanian sendiri yang telah diproses, nilai jualan barangan atau bahan yang dibeli daripada pihak lain dan dijual semula tanpa diproses, serta pendapatan lain yang berkaitan dengan aktiviti pertanian tersebut.

Pendapatan juga merujuk kepada subsidi, bantuan dan geran (tidak termasuk pinjaman) yang diterima.

20. PERBELANJAAN

Perbelanjaan merujuk kepada nilai perbelanjaan yang berkaitan dengan aktiviti pertanian.

Perbelanjaan ini merangkumi kos bahan langsung yang digunakan dalam aktiviti pertanian, termasuk kos benih bagi tanaman tidak kekal, kos anak ternakan, serta kos barang yang dibeli untuk dijual semula tanpa melalui sebarang proses selanjutnya. Ia turut meliputi kos pengangkutan, kos pensijilan, bayaran air dan elektrik yang digunakan, bahan bagi tujuan pembaikan dan penyelenggaraan, bahan pembakar, pelincir dan gas, bayaran telekomunikasi, sewa atau pajakan, serta perbelanjaan operasi lain yang berkaitan.

Perbelanjaan tidak termasuk gaji & upah, penggajian lain, harta modal, percukaian dan susut nilai aset tetap

21. KLASIFIKASI PENJADUALAN

Bagi subsektor Ternakan, kategori penjadualan dikelaskan seperti berikut:

21.1 Lembu/ Kerbau

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan lembu dan ternakan kerbau;

21.2 Kambing/ Bebiri

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan kambing dan ternakan bebiri;

21.3 Babi

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan babi;

21.4 Ayam/ Itik

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan ayam dan ternakan itik;

21.5 Lain-lain Ternakan

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan alpaca, anak ayam, angsa, anjing, arnab, ayam belanda, ayam hiasan, ayam mutiara, ayam selasih, biawak, black soldier fly larva, buaya, burung, cacing, capybara, cengkerik, dhab, gecko, hamster, iguana, kala jengking, kancil, kera, koloni kelulut, kucing, kuda, kura- kura, landak, lipas, monyet, pelanduk, puyuh, rusa, tikus, tupai, ular, ulat, unta dan wallaby;

21.6 Telur Ayam/ Itik

Melibatkan aktiviti penjualan hasil ternakan telur ayam dan telur itik;

21.7 Susu Segar

Melibatkan aktiviti penjualan hasil ternakan susu lembu, susu kambing dan susu kerbau; dan

21.8 Lain-lain Hasil Ternakan

Melibatkan aktiviti penjualan hasil ternakan telur angsa, telur puyuh, telur burung, sarang burung walet dan madu/ kelulut.

22 . KEWARGANEGARAAN

Maklumat berkaitan kewarganegaraan adalah berdasar kepada pengenalan diri atau jawapan yang diberi oleh responden.

23. KUMPULAN ETNIK

Untuk tujuan penjadualan dan analisis, klasifikasi kumpulan etnik adalah berasaskan klasifikasi seperti berikut:

Warganegara Malaysia
Bumiputera
Cina
India
Lain-lain

Maklumat kumpulan etnik termasuk kewarganegaraan adalah berdasarkan kepada perakuan responden dan tidak merujuk kepada sebarang dokumen rasmi.

24. KUMPULAN UMUR

Umur adalah berdasarkan hari lahir terakhir pada hari lawatan. Untuk tujuan penjadualan dan analisis, klasifikasi kumpulan umur adalah seperti berikut:

- i. 15 – 30 tahun;
- ii. 31 – 45 tahun;
- iii. 46 – 59 tahun; dan
- iv. 60 tahun ke atas.

25. SIJIL TERTINGGI DIPEROLEH

Individu dikategorikan mengikut tahap kelayakan tertinggi kepada empat peringkat iaitu **Tertiari, Menengah, Rendah dan Tiada Sijil**. Tahap Tertiari melibatkan pemegang ijazah kedoktoran (PhD), ijazah, diploma lanjutan, serta sijil kemahiran teknikal (TVET) dari institusi diiktiraf. Tahap Menengah merangkumi mereka yang memiliki STPM atau SPM/SPM(V) atau setaraf. Tahap Rendah pula terdiri daripada individu dengan kelulusan di bawah SPM, manakala Tiada Sijil merujuk kepada mereka tanpa sebarang kelulusan rasmi. Sijil tertinggi diperoleh merujuk kepada sijil pendidikan tertinggi diperoleh seperti berikut:

25.1 Doktor Falsafah (PhD)

Merujuk kepada ijazah kedoktoran yang diperoleh daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) di dalam dan luar negara yang diiktiraf.

25.2 Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana

Merujuk kepada Ijazah Sarjana Muda, Diploma Lanjutan, Diploma/ Sijil Pasca Ijazah, Diploma/ Sijil daripada badan profesional atau yang setaraf dengannya yang diperoleh dari IPTA dan IPTS di dalam dan luar negara yang diiktiraf. Contoh, Diploma lanjutan, Diploma Sebaran Am dan kelulusan setaraf dengan ijazah seperti:

25.2.1. Diploma/ sijil pasca ijazah; dan

25.2.2 Diploma/ sijil dari badan professional.

25.3 Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf

Merujuk kepada diploma yang diperoleh dari politeknik, universiti, kolej atau yang setaraf. Contoh, Diploma Kejururawatan, Diploma Perguruan, Diploma Kesihatan Bersekutu, Diploma Perancang Bandar dan Ukur, Diploma Seni bina, Diploma Sains Komputer & Teknologi Maklumat dan Diploma Pengajian Perniagaan.

25.4. Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET)

Merujuk kepada Diploma atau Diploma Lanjutan atau *Higher National Diploma* (HND) bagi kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh daripada institusi latihan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (Diploma Kemahiran Malaysia, Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan LCCI (Tahap 3 dan 4). Contoh, Diploma atau Diploma Lanjutan atau HND bagi kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh daripada Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), *Advanced Technology Training Centre* (ADTEC), *State Skill Development Centre* (TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dan lain-lain) dan kolej swasta yang berkenaan.

- v. **Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-Badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf**
Merujuk kepada sijil yang diperoleh daripada politeknik, universiti, kolej, badan yang memberi pengiktirafan contoh, *Construction Industry Development Board* (CIDB) atau yang setaraf. Contoh sijil, Sijil Kejururawatan, Sijil Perguruan, Sijil Kesihatan Bersekutu, Sijil Perancang Bandar dan Ukur, Sijil Seni bina, Sijil Sains Komputer & Teknologi Maklumat dan Sijil Pengajian Perniagaan.
- vi. **Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET)**
Merujuk kepada sijil kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh dari institusi latihan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK)/Jabatan Pembangunan Kemahiran (Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Institut Pertanian, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan LCCI (Tahap 2). Contoh, sijil kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh dari Institut Kemahiran Mara (IKM), Institut Pertanian, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kolej Komuniti, State Skill Development Centre contoh, TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dan lain-lain atau kolej swasta yang berkenaan. Kategori ini tidak termasuk sijil yang diperoleh daripada GIAT MARA, politeknik, universiti atau yang setaraf.
- vii. **Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau yang setaraf**
Merujuk kepada sijil yang dikeluarkan oleh Kolej Komuniti, Politeknik, Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Belia Negara, Kolej Swasta serta agensi lain yang mengkhusus kepada Pendidikan dan TVET.
- viii. **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ SPM (V) atau yang setaraf**
Merujuk kepada kelayakan SPM/SPM(V)/MCE atau peperiksaan setaraf dengannya seperti GCE 'O' Level.
- ix. **Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V)**
Merujuk kepada kelayakan seperti PMR/ SRP/ LCE, tamat sekolah rendah atau di bawah taraf kelulusan yang dinyatakan.
- x. **Tiada sijil**
Tiada sijil yang diperoleh.

26. PRODUKTIVITI TANAMAN

Produktiviti tanaman ditakrifkan sebagai hasil tuaian tanaman bagi setiap unit keluasan tanah yang diusahakan.

27. TAKRIFAN KATEGORI PEKERJAAN

i. **Guna Tenaga**

Guna tenaga dalam laporan ini ditakrifkan sebagai semua individu yang terlibat dalam sektor pertanian, iaitu pemilik & rakan niaga yang aktif, pekerja keluarga tanpa gaji, dan pekerja bergaji.

ii. **Pemilik yang bekerja dan rakan niaga yang aktif**

Termasuk semua pemilik perseorangan dan rakan niaga (sambilan atau sepenuh masa) yang bekerja dengan aktifnya di dalam pertubuhan ini. Rakan niaga dan ahli keluarga pemilik yang tidak aktif adalah dikecualikan, melainkan mereka yang mengambil bahagian dalam mengawal dan menguruskan perniagaan ini. Kategori ini tidak berkaitan dengan syarikat berhad atau perbadanan awam, yang mana hak miliknya adalah ditentukan mengikut pegangan ekuiti.

iii. **Pekerja keluarga tanpa gaji (semua ahli keluarga dan rakan yang tidak menerima upah yang tetap)**

Termasuk semua ahli (sepenuh masa atau sambilan) bagi mana-mana pemilik pertubuhan yang mana pada tempoh tertentu bekerja sekurang-kurangnya satu pertiga daripada waktu kerja biasa tetapi tidak menerima bayaran, sama ada dengan wang tunai atau mata benda, untuk kerja yang dilakukan. Pekerja ini sememangnya mendapat makanan, tempat tinggal dan bantuan lain sebagai sebahagian daripada isi rumah pemilik ini sama ada mereka bekerja atau tidak di pertubuhan tersebut. Kategori pekerja keluarga tidak bergaji ini tidak berkaitan dengan syarikat berhad atau perbadanan awam yang mana hak milik adalah mengikut pegangan ekuiti. Walau bagaimanapun, jika gaji tetap dan elaun diterima oleh pekerja keluarga dan mereka mencarum kepada KWSP atau kumpulan wang persaraan lain, mereka hendaklah dianggap sebagai pekerja bergaji.

iv. **Pekerja bergaji**

Termasuk sepenuh masa dan sambilan seperti berikut:

i. **Pekerja bergaji (sepenuh masa)**

Pekerja sepenuh masa merujuk kepada mereka yang biasanya bekerja untuk sekurang-kurangnya 6 jam sehari atau 20 hari sebulan. Mereka yang bekerja di luar, yang mana gaji dan perkhidmatannya di bawah kawalan pertubuhan itu, seperti wakil jualan, wakil kejuruteraan dan kakitangan penyelenggaraan dan pembaikan hendaklah dimasukkan, jika ada. Termasuk juga dalam kumpulan ini ialah pengurus dan pengarah pertubuhan korporat. Yang bergaji kecuali jika mereka hanya menerima pembayaran semata-mata kerana hadir dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.

ii. **Pekerja bergaji (sambilan)**

Merujuk kepada mereka yang bekerja kurang daripada 6 jam sehari dan/ atau kurang daripada 20 hari sebulan dan menerima gaji

28. GAJI & UPAH

Gaji dan upah merujuk kepada hanya pembayaran tunai termasuk gaji pokok, bonus, komisen, elaun kos sara hidup dan lain-lain elaun tunai yang dibayar secara tetap dan berkala termasuk bayaran kerja lebih masa yang dibuat sepanjang tahun rujukan.

Formula Pengiraan Purata Gaji & upah adalah seperti berikut:

$$\text{Purata Gaji \& Upah Tahunan} = \frac{\text{Jumlah Gaji \& Upah Tahunan}}{\text{Pekerja Bergaji}}$$

29. SIMBOL DAN SINGKATAN

-	:	tiada data
0	:	nilai kurang daripada 0.5
0.0	:	nilai kurang daripada 0.05
≠	:	tidak sama dengan
n.a	:	tidak berkenaan
&	:	dan
%	:	peratus
dll	:	dan lain-lain
RM	:	Ringgit Malaysia
t.t.t.l	:	tidak terkelas di tempat lain
W.P.	:	Wilayah Persekutuan
ha	:	hektar
kg	:	kilogram
mm	:	milimeter
cm	:	sentimeter
m ²	:	meter persegi
m ³	:	meter padu
mt	:	tan metrik
samb.	:	samb.
NGO	:	Badan Bukan Kerajaan
BP	:	Blok Penghitungan
CIDB	:	<i>Construction Industry Development Board</i>
DB	:	Daerah Banci
DP	:	Daerah Pentadbiran
ROS	:	Daftar Perniagaan
ROC	:	Daftar Syarikat
TVET	:	Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal
PhD	:	Doktor Falsafah
FELDA	:	<i>The Federal Land Development Authority</i>
FELCRA	:	Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan
FAO	:	<i>Food and Agriculture Organization</i>
HND	:	<i>Higher National Diploma</i>
IPTA	:	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	:	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
IKTBN	:	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara
DOSM	:	Jabatan Perangkaan Malaysia
KPM	:	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPK	:	Kementerian Perlindungan dan Komoditi
KPKM	:	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KKTM	:	Kolej Kemahiran Tinggi MARA
KWSP	:	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LHDN	:	Lembaga Hasil Dalam Negeri
CHE	:	Luas Bertanam Tanaman Setara
MARA	:	Majlis Amanah Rakyat
MSAR	:	<i>Malaysia Statistical Address Register</i>
MSBR	:	<i>Malaysia Statistical Business Register</i>

PAPI	:	<i>Paper and Pen Interview</i>
PD	:	Penguasa Daerah
PLB	:	Penilaian Liputan Banci
PP	:	Penolong Pesuruhjaya
LLP	:	Perkongsian Liabiliti Terhad
PERKESO	:	Pertubuhan Keselamatan Sosial
MSIC	:	Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia
PBT	:	Pihak Berkuasa Tempatan
PMR	:	Penilaian Menengah Rendah
ROS	:	<i>Registrar of Societies</i>
RISDA	:	<i>Rubber Industry Smallholders Development Authority</i>
QC	:	Semakan Kualiti
SPM	:	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	:	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SKM	:	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
SSM	:	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TK	:	Tempat Kediaman
TP	:	Timbalan Pesuruhjaya
UNSD	:	<i>United Nations Statistics Division</i>

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



PENGHARGAAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua Agensi Pelaksana dan Rakan Strategik Banci Pertanian 2024

Agensi Peneraju

Jabatan Perangkaan Malaysia

Kementerian dan Agensi Persekutuan

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
 Jabatan Pertanian Malaysia
 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
 Jabatan Perikanan Malaysia
 Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
 Lembaga Pertubuhan Peladang
 Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia
 Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia

Kementerian Perlindungan dan Komoditi
 Lembaga Minyak Sawit Malaysia
 Lembaga Getah Malaysia
 Lembaga Koko Malaysia
 Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara
 Lembaga Lada Malaysia
 Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
 Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
 Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)
 Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Ekonomi

Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri
 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
 Kementerian Industri Makanan dan Pembangunan Wilayah, Sarawak
 Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah
 Unit Perancang Ekonomi Negeri
 Jabatan Pertanian Negeri
 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri
 Jabatan Perikanan Negeri
 Jabatan Perhutanan Negeri





Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua Agensi Pelaksana dan Rakan
Strategik Banci Pertanian 2024

Agensi Teknikal dan Sokongan

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Infrastruktur dan Teknologi Negara (JITN)
Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia
Jabatan Imigresen Malaysia

Pemegang Taruh Lain

Kementerian Kewangan Malaysia
Kementerian Dalam Negeri Malaysia
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)
Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
Universiti Awam dan Institusi Akademik
Pejabat Daerah dan Tanah
Pihak Berkuasa Tempatan



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



LAMPIRAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Umum

Istilah	Definisi
Kewarganegaraan	Kewarganegaraan ialah keanggotaan sah seseorang individu dalam sesebuah negara yang membolehkannya menikmati hak-hak tertentu seperti perlindungan undang-undang, hak untuk mengundi, dan akses kepada kemudahan awam, serta menanggung kewajipan seperti mematuhi undang-undang, membayar cukai dan mempertahankan negara jika diperlukan. Kewarganegaraan Malaysia merujuk kepada penduduk yang bermastautin di Malaysia. Kriteria untuk kewarganegaraan Malaysia ditentukan dalam Peraturan Kewarganegaraan Malaysia 1964.
Taraf perkahwinan	Taraf perkahwinan ialah status individu berdasarkan keadaan perkahwinannya yang diiktiraf oleh undang-undang, sama ada individu tersebut belum pernah berkahwin, sedang berkahwin, telah bercerai, atau kematian pasangan. Status ini penting dalam pelbagai urusan seperti pentadbiran, perundangan, permohonan rasmi dan dokumentasi peribadi. Taraf perkahwinan merujuk: i. Tidak pernah berkahwin ii. Berkahwin iii. Balu/ Duda iv. Bercerai/ Berpisah
Sijil Tertinggi diperoleh	Sijil tertinggi diperoleh ialah tahap pencapaian atau pendidikan formal paling tinggi yang dimiliki oleh seseorang, sama ada dalam bentuk sijil, diploma, ijazah, atau kelayakan setaraf yang diiktiraf oleh badan yang sah. Ia menunjukkan tahap pengetahuan, kemahiran, atau kelayakan seseorang dalam sesuatu bidang. Empat pengkelasan sijil tertinggi diperoleh adalah: i. Tiada sijil ii. Rendah • Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) iii. Menengah • Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ SPM (V) atau yang setaraf • Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau yang setaraf iv. Tertiari • Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) • Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-Badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf

Istilah	Definisi
	• Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) • Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf • Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana • Doktor Falsafah (PhD)

Sektor Pertanian

Istilah	Definisi
Sektor Pertanian	Merangkumi semua aktiviti ekonomi berkaitan tanaman, penternakan, perikanan dan perhutanan & pembalakan bagi pengeluaran makanan, bahan mentah dan produk lain.
Pegangan Pertanian	Pegangan Pertanian secara ideal ditakrifkan sebagai satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal untuk tujuan pengeluaran pertanian tanpa mengambil kira hak milik, taraf sah atau saiz tanah. Pegangan Pertanian terdiri daripada dua (2) kategori iaitu Individu dan Pertubuhan Perniagaan. Maklumat untuk profil pegangan pertanian merujuk kepada lokasi tempat kediaman atau lokasi pertubuhan perniagaan.
Hasil Pertanian	Output daripada aktiviti sektor pertanian termasuk tanaman, ternakan, hasil perikanan dan hutan.
Input Pertanian	Sumber yang digunakan dalam proses pengeluaran pertanian seperti benih, baja, racun perosak, air, dan tenaga kerja.

Subsektor: Tanaman

Istilah	Definisi
Tanaman Agromakanan	Tanaman yang dihasilkan untuk tujuan pemakanan seperti padi, jagung, sayur-sayuran dan buah-buahan.
Tanaman Agrokomoditi	Tanaman yang ditanam untuk tujuan komersial seperti kelapa sawit, getah, koko dan teh.
Kawasan Bertanam	Luas kawasan yang digunakan untuk penanaman sesuatu jenis tanaman.
Hasil Tanaman	Jumlah pengeluaran tanaman dalam satu musim atau tahun tertentu.
Mekanisasi Pertanian	Penggunaan mesin dalam pelbagai operasi penanaman seperti membajak, menuai dan menyembur racun.

Istilah	Definisi
Pertanian Bandar	Aktiviti penanaman yang dijalankan di kawasan bandar seperti tanaman sayur dalam pasu atau sistem hidroponik.

Tanaman Getah

Istilah	Definisi
Pekebun Kecil Getah	Akta RISDA Perusahaan Getah 1972 (sebagaimana pada 1 Nov. 2016) merujuk pemunya atau penduduk sah mana-mana tanah yang jumlah keluasannya kurang daripada 40 hektar, wakil sah pemunya atau wakil sah penduduk; dan seseorang yang memiliki atau mengendalikan satu ladang getah atau lebih dalam suatu negeri yang jumlah keseluruhannya tidak melebihi 40 hektar. Lembaga Getah Malaysia merujuk mana-mana pekebun kecil yang menjual getah perlu memiliki PAT-G yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan LGM (Pelesenan dan Permit) 2014.
Estet Getah	Akta RISDA Perusahaan Getah 1972 (sebagaimana pada 1 Nov. 2016) merujuk mana-mana tanah yang jumlah keluasannya tidak kurang daripada 40 hektar yang dimasukkan dalam suatu Skim yang ditetapkan dan yang berhubungan dengannya pemunya tanah itu berterusan menyertai Skim itu sepanjang tempohnya. Lembaga Getah Malaysia merujuk satu ladang getah keluasannya melebihi 40 hektar selaras dengan Garis Panduan Permohonan Lesen dan Permit LGM yang berkuat kuasa. Pertimbangan boleh diberikan kepada mana-mana estet yang mempunyai keluasan ladang tidak melebihi 40 hektar dan tidak layak memiliki Permit Autoriti Transaksi Getah (PAT-G).
Getah	Akta RISDA Perusahaan Getah 1972 (sebagaimana pada 1 Nov. 2016) merujuk segala getah asli dalam bentuk cecair, pepejal atau adunan yang didapati daripada tumbuhan getah dan termasuklah segala elastomer yang didapati daripada getah asli. Akta 551 LGM merujuk segala getah asli dalam bentuk cecair, pepejal atau adunan yang diterbitkan daripada apa-apa tumbuhan yang menghasilkan lateks dan getah tiruan dalam bentuk cecair, pepejal atau adunan yang diterbitkan daripada keluaran petrokimia dan termasuklah segala elastomer yang diterbitkan daripada getah asli atau getah tiruan atau kedua-duanya.
Skrap	Empat jenis pengeluaran hasil getah adalah seperti skrap, lateks, RSS dan USS. Getah skrap merupakan sejenis polimer hidrokarbon kenyal yang terhasil dari koloid dari hasil torehan untuk penghasilan secara komersial di Malaysia dikenali sebagai Getah Mutu Malaysia/ Standard Malaysian Rubber (SMR 20).

Istilah	Definisi
Lateks	Lateks merujuk kepada getah yang dikeluarkan hasil dari torehan pokok getah yang kelihatan seperti susu yang merupakan amaran butiran getah di dalam serum yang mengandung kantung yang amat kompleks. Antara komposisi utama lateks adalah butiran getah, bahan protein, bahan berdarah, karbohidrat dan bahan bukan organik.
Getah Asap Berbunga / <i>Ribbed Smoked Sheet</i> (RSS)	RSS adalah produk getah yang diperbuat dari lateks di mana ianya diproses dan dirawat untuk menghasilkan lembaran getah beku. Lembaran getah beku melalui proses penggilingan dan dikeringkan di rumah asap.
Getah keping yang tidak diasap / <i>Unsmoked Sheet</i> (USS)	USS adalah produk getah yang seakan sama seperti RSS di mana proses penghasilannya hanya melibatkan proses penggilingan dan dikeringkan tanpa rumah asap.
Kandungan Getah Kering (KGK)	KGK merujuk kepada partikel atau butiran getah yang terdapat dalam getah hasil torehan.

Tanaman Kenaf & Tembakau

Istilah	Definisi
Kenaf	Nama saintifiknya <i>hibiscus cannabinus</i> L. ialah sejenis tanaman jangka pendek musim panas yang berserat, bukan berkayu dan berasal dari Afrika.
Serat/ fiber	Serat semula jadi yang diperoleh daripada kulit batang pokok kenaf.
Core	Bahagian teras batang tumbuhan kenaf yang merupakan bahagian dalam batang.
Bast	Merujuk kepada serat dari kulit luar batang tumbuhan kenaf.
Kultivar	Merujuk kepada varieti atau jenis spesifik tanaman kenaf yang telah dibangunkan melalui proses pemilihan atau pembiakbakaan untuk memenuhi keperluan tertentu dalam industri pertanian dan pembuatan.
Foraj	Tanaman kenaf yang digunakan sebagai makanan ternakan
Lignin	Bahan semula jadi yang terdapat dalam batang pokok tumbuhan kenaf, yang berfungsi untuk menguatkan batang pokok kenaf.
Proses Retting	Proses merendam batang kenaf untuk melonggarkan dan memisahkan serat dari bahagian batang yang lain, seperti kulit dan teras (core).

Istilah	Definisi
Mikroorganisma	Bakteria, kulat (fungi) atau protozoa menyerang atau menjangkiti sesuatu bahan atau organisma dan menyebabkan perubahan, kerosakan atau pereputan.
Nectar	Bahan semula jadi yang dihasilkan oleh kebanyakan tumbuhan berbunga yang mengandungi gula, terutamanya sukrosa, glukosa dan fruktosa. Nektar kenaf merujuk kepada cecair manis yang dihasilkan oleh bunga kenaf biasanya untuk menarik serangga pendebunga seperti lebah.

Subsektor: Ternakan

Istilah	Definisi
Ternakan	Haiwan yang ditenak untuk tujuan pengeluaran daging, susu, telur, bulu dan kulit. Ternakan melibatkan amalan pembiakan, pemeliharaan dan penjagaan kesihatan haiwan bagi memastikan produktiviti dan kesejahteraan haiwan terjamin.
Penternak	Individu atau entiti yang menjalankan aktiviti penternakan.
Sistem Penternakan	Kaedah penternakan seperti intensif (dalam kandang), separa intensif, dan ekstensif (meragut bebas).
Makanan Ternakan	Bahan yang diberi kepada haiwan termasuk rumput, dedak, silaj dan suplemen nutrien.
Keluaran Ternakan	Produk seperti daging, susu dan telur yang diperolehi daripada haiwan ternakan.

Subsektor: Akuakultur

Istilah	Definisi
Akuakultur	Aktiviti pembiakan dan pemeliharaan hidupan akuatik seperti ikan, udang dan kerang dalam persekitaran terkawal.
Kolam Ternakan	Struktur atau kawasan air seperti kolam tanah atau tangki yang digunakan untuk penternakan hidupan akuatik.
Sistem Tertutup	Sistem pengurusan air akuakultur yang terkawal sepenuhnya seperti sistem resirkulasi (RAS).
Benih Ikan	Ikan muda yang digunakan untuk ditenak dalam sistem akuakultur.
Makanan Akuakultur	Bahan makanan yang digunakan untuk memberi nutrisi kepada hidupan akuatik yang ditenak.

Istilah	Definisi
Hasil Akuakultur	Jumlah pengeluaran hasil akuakultur dalam satu musim atau tahun

Subsektor: Perikanan Tangkapan

Istilah	Definisi
Perikanan Tangkapan	Aktiviti menangkap ikan dan hasil laut dari perairan semula jadi.
Nelayan	Orang yang terlibat dalam penangkapan ikan di laut, sungai atau tasik.
Bot Perikanan	Bot yang digunakan untuk menangkap ikan, diklasifikasikan mengikut saiz dan jenis operasi.
Alat Tangkapan	Peralatan yang digunakan seperti pukat, rawai, jaring dan pancing.
Pendaratan Ikan	Proses membawa hasil tangkapan ke darat untuk dijual atau diproses.
Zon Perikanan	Kawasan laut yang ditetapkan untuk aktiviti perikanan seperti Zon A hingga Zon C2.

Subsektor: Perhutanan & Pembalakan

Istilah	Definisi
Hutan simpanan kekal	Menurut Seksyen 2, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313), Hutan Simpanan Kekal (HSK) ertinya mana-mana tanah yang dijadikan atau disifatkan telah dijadikan HSK di bawah Akta ini. Kawasan tersebut ditadbir sepenuhnya oleh Jabatan Perhutanan Negeri dan semua hasil hutan dalam kawasan ini adalah milik Kerajaan Negeri.
Hutan tanah bermilik (milikan swasta)	Hutan tanah milikan swasta adalah hutan yang dimiliki oleh individu, syarikat, atau entiti swasta lain. Ini bermaksud bahawa sebidang tanah yang ditutupi oleh hutan tersebut adalah milik peribadi dan bukan milik kerajaan atau masyarakat umum. Hutan tanah milikan swasta boleh diurus dan dimanfaatkan mengikut kepentingan pemiliknya yang mungkin merangkumi eksploitasi kayu, pengeluaran bahan bukan kayu, pemuliharaan atau matlamat lain.

Istilah	Definisi
Hutan tanah kerajaan	Hutan tanah kerajaan menurut seksyen 5, Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965) ialah semua tanah di dalam negeri itu (termasuk sebanyak mana dasar mana-mana sungai dan tepi pantai laut, seperti yang termasuk di dalam wilayah negeri itu atau batas perairan wilayah) selain daripada: a. Tanah bermilik; b. Tanah rizab; c. Tanah lombong; dan d. Mana-mana tanah yang di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan hutan (sama ada diluluskan sebelum atau permulaan Akta ini), pada masa itu adalah hutan simpanan.
Hasil Utama Hutan	Hasil hutan yang dinyatakan dalam Bahagian A Jadual Kedua Akta Perhutanan Negara 1984 iaitu hasil hutan utama hendaklah terdiri daripada yang berikut: (a) Kayu bulat (b) Kayu jaras (c) Kayu api (d) Arang (e) Semua jenis rotan
Hasil Kecil Hutan	Hasil hutan yang dinyatakan dalam Bahagian B Jadual Kedua Akta Perhutanan Negara 1984 iaitu hasil hutan kecil hendaklah terdiri daripada hasil hutan lain yang tidak termasuk sebagai hasil utama hutan.
Hasil Hutan Bukan Kayu	Semua produk hutan kecuali kayu-kayan, termasuk bahan-bahan lain yang diperolehi daripada pokok seperti resin dan daun serta produk-produk lain daripada tumbuhan dan haiwan.
Kayu Balak	Pokok besar yang ditebang untuk diproses menjadi kayu gergaji atau produk lain.
Kayu Jaras	Mana-mana bahagian yang dipotong daripada pokok dan mempunyai diameter kurang daripada 30cm pada sebelah hujungnya yang besar.
Kayu Keras Berat	Kayu yang berat dan mempunyai ketumpatan melebihi 880kg/m ³
Kayu Keras Sederhana	Kayu yang sederhana berat ke berat dan mempunyai ketumpatan melebihi 720kg/m ³ ke 880kg/m ³ .
Kayu Keras Ringan	Kayu dalam kumpulan ini adalah lebih ringan dan termasuk kayu yang ketumpatan kurang daripada 720kg/m ³ .
Ladang hutan kekal	Kawasan yang ditanam dengan pokok atau tumbuh-tumbuhan hutan, sama ada daripada spesies tempatan atau dagang, dengan kaedah tanaman secara terbuka yang luasnya tidak kurang daripada 50 hektar

Istilah	Definisi
Penanaman Semula Hutan	Usaha menanam semula pokok selepas aktiviti pembalakan untuk memastikan kelestarian hutan.
Pembalakan	Penebangan pokok bagi mendapatkan kayu balak untuk kegunaan industri.
Perhutanan	Pengurusan dan pemuliharaan hutan untuk pengeluaran kayu dan hasil hutan bukan kayu.
Silvikultur	Cara penghasilan dan penjagaan hutan melalui manipulasi penubuhan, komposisi dan pertumbuhan hutan untuk memenuhi objektif pemilik hutan tersebut. Ianya boleh merangkumi atau tidak merangkumi pengeluaran kayu-kayan.

**PERTANYAAN BERHUBUNG DENGAN PENERBITAN INI BOLEH JUGA DIBUAT DI PEJABAT
PERANGKAAN NEGERI SEPERTI BERIKUT:**

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Johor,
Tingkat 14, Menara Tabung Haji,
Jalan Air Molek,
80000 Johor Bahru, Johor.

Tel. : 07-225 3700
Faks : 07-224 9972
E-mel : jpjohor@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Kedah,
Aras 1, Zon C, Wisma Persekutuan,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Bandar Muadzam Shah,
06550 Anak Bukit, Alor Setar, Kedah.

Tel. : 04-700 1240
Faks : 04-733 8412
E-mel : jpkedah@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Kelantan,
Tingkat 8, Bangunan Persekutuan,
Jalan Bayam,
15514 Kota Bharu, Kelantan.

Tel. : 09-741 9449
Faks : 09-748 2142
E-mel : jpkelantan@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Melaka,
Aras 7 & 8, Wisma Persekutuan,
Jalan MITC, Hang Tuah Jaya
75450, Ayer Keroh, Melaka.

Tel. : 06-252 2725
Faks : 06-252 2711
E-mel : jpmelaka@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sembilan,
Tingkat 12, Wisma Persekutuan,
Jalan Dato' Abdul Kadir,
70000 Seremban, Negeri Sembilan.

Tel. : 06-765 5000
Faks : 06-765 5002
E-mel : jpnsembilan@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Pahang,
Tingkat 7, Bangunan Persekutuan,
Jalan Gambut,
25000 Kuantan, Pahang.

Tel. : 09-516 3931/7
Faks : 09-514 4636
E-mel : jppahang@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 6, Bangunan Persekutuan,
10400 Jalan Anson, Pulau Pinang.

Tel. : 04-226 6244
Faks : 04-229 9499
E-mel : jppulaupinang@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Perak,
Tingkat 3, Blok A,
Bangunan Persekutuan Ipoh,
Jalan Dato' Seri Ahmad Said (Greentown),
30450 Ipoh, Perak.

Tel. : 05-255 4963
Faks : 05-255 1073
E-mel : jpperak@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Perlis,
26B, Aras 2, KPARC,
01000 Kangar, Perlis.

Tel. : 04-977 1221
Faks : 04-977 1223/04-976 8950
E-mel : jpperlis@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Selangor,
Tingkat 9, Bangunan Darul Ehsan,
Jalan Indah, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor.

Tel. : 03-5515 0200
Faks : 03-5518 0408
E-mel : jpseudangor@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Terengganu,
Tingkat 9, Wisma Persekutuan,
Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terengganu, Terengganu.

Tel. : 09-622 3062
Faks : 09-622 9659
E-mel : admin_jptrg@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah,
Tingkat 1-3, Blok C,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah,
Jalan UMS, Beg Berkunci No. 2046,
88999 Kota Kinabalu, Sabah.

Tel. : 088-484 602
Faks : 088-484 659
E-mel : jpsabah@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sarawak,
Tingkat 7 & 8, Bangunan Tun Datuk Patinggi
Tuanku Haji Bujang, Jalan Simpang Tiga,
93514 Kuching, Sarawak.

Tel. : 082-240 287
Faks : 082-242 609
E-mel : sarawak@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia, Wilayah Persekutuan,
Tingkat 14 & 15, Wisma FGV,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.

Tel. : 03-2267 2400
Faks : 03-2691 0639
E-mel : jpwpkl@dosm.gov.my

GUNA TENAGA

ISBN 978-1-78280-808-4



9 781782 808084

